

SUKMA 2024: KONTINJEN NEGERI SEMBILAN CAPAI SASARAN 19 EMAS


Negeri Kita
Wadah Informasi Anda

Malaysia Madani *Jiwa Merdeka*

“Di atas runtuhannya Kota Melaka, Kita bangunkan jiwa Merdeka, Bersatulah seluruh anak bangsa, Bersama membina Malaysia berjaya”.



Analisa: Merdekaakah jiwa kita?

100 tahun dahulu, telah tercatat jatuhnya Empayar Islam Turki Uthmaniyah. 500 tahun dahulu, jatuhnya Empayar Melaka jatuh ke tangan Portugis. Dua peristiwa suram ini bukanlah kerana empayar tersebut lemah dari segi ketenteraan atau peralatan perang.

Turki Uthmaniyah sangat terkenal dengan kehebatan ketenteraan yang menakluk pelbagai wilayah di benua Asia dan Eropah. Empayar Melaka juga tidak kurang hebat dari kehebatan ketenteraan.

Apa yang menyebabkan empayar besar itu jatuh dah terus tidak bangkit sehingga hari ini?

Punca utama kejatuhan empayar-empayar ini adalah kerana serangan musuh. Kita perlu soal, apakah jenis musuh yang boleh melepasi pertahanan dan ketenteraan empayar yang gagah dan hebat ketika itu?

Apabila sesebuah empayar berdepan dengan serangan musuh melalui serangan ketenteraan, kita yakin dua empayar ini tidak akan jatuh.

Tetapi kejatuhan dua empayar besar ini jatuh kerana musuh dalaman yang menebuk dinding negara yang menyebabkan terburai segala isi perut negara yang membawa kepada kejatuhan empayar ini.



Musuh dalaman adalah pengkhianat yang kelabu mata dan kesenangan sementara yang siangnya berpenat lelah untuk negara tetapi sebelah malamnya lena dibelai musuh dengan kesenangan tembolok sendiri. Bahasa mudahnya rasuah dan fitnah.

Pengkhianat ini bukan sahaja dijanjikan dengan habuan material, tetapi menjalankan misi adu domba dengan segala macam fitnah yang memporak perandakan negara dari dalam.

Musuh diluar tidak perlu bersusah payah menghantar ribuan tentera yang bakal terbunuh. Cukuplah dengan mencari pengkhianat yang

tamak haloba dan sanggup mengadai negara.

Malaysia, kita telah masuk tahun ke-67 kemerdekaan. Sejarah kita dijajah British dan Jepun telah matangkan kita sehingga hari ini kita punyai kekuatan ketenteraan tersendiri.

Perbatasan kita dikawal ketat oleh penguatkuasa. Tetapi negara kita masih terdedah dengan musuh dalaman yang sentiasa boleh merobohkan tembok kemerdekaan negara dalam tempoh 10 saat. Banyak sahaja contoh negara-negara moden yang rosak kerana rasuah.

Rujuk sahaja indeks rasuah dunia, amat memalukan negara-negara Islam antara negara yang berada

pada kedudukan tercorot.

Apa makna Merdeka jika musuh dalaman masih berleluasa?

Erti Merdeka tahun ini, kita perlu merubah segala normalisasi yang cuba dibudayakan oleh sesetengah pihak.

Tanggungjawab berat Kerajaan Perpaduan hari ini akan menjadi indikator kepada generasi akan datang untuk membawa negara kekal Merdeka.

Jika kita sentiasa bercakap sejarah kemerdekaan bagi memperingati jasa orang-orang terdahulu, jangan pula kita lupa untuk bercakap tentang usaha-usaha mengekalkan kemerdekaan.

Kita jangan izinkan pengkhianat – pengkhianat negara berleluasa. Rasuah dan fitnah wajib kita bendung dan benteras dengan tegas.

Tan Sri Johan Jaaffar, Tokoh War-tawan Negara ada memberi komentar:

“Suapan adalah korupsi. Korupsi dalam apa situasi dan zaman akan merosakkan.

“Empayar Melaka yang tersohor tumbang oleh kealpaan, kemunafikan dan ketamakan pemimpinnya. Pengajaran peristiwa 500 tahun lalu, masih berguna buat kita hari ini”.

GARIS MASA PENJAJAHAN JEPUN DI TANAH MELAYU

8 Disember 1941 – Penjajahan itu bermula dengan pendaratan Tentera Jepun Imperial Jepun di pantai Kuala Pak Amat, Kota Bharu sejurus selepas tengah malam, mencetuskan pertempuran ganas dengan Tentera British India, satu jam sebelum serangan ke Pearl Harbor. Lapangan terbang Kota Bharu jatuh kepada tentera Jepun pada waktu pagi.

9 Disember 1941 – Lapangan terbang Sungai Petani, Butterworth, dan Alor Star ditawan.

10 Disember 1941 – Kapal tempur HMS Prince of Wales dan HMS Repulse bergerak di persisiran timur Tanah Melayu menuju ke arah tempat pendaratan Jepun yang dilaporkan di Kuantan.

Tanpa perlindungan udara, pesawat Jepun menyerang dengan gelombang demi gelombang dan berjaya menenggelamkan kedua-dua buah kapal tersebut. Kehadiran Tentera Laut British dihapuskan dalam masa yang singkat.

Tentera Jepun yang mendarat di Kota Bharu dibahagikan kepada dua pasukan berasingan, dengan satu bergerak ke arah pantai timur menuju Kuantan, dan yang lain ke arah selatan menuju Sungai Perak.

11 Disember 1941 – Jepun memulakan pengeboman di Pulau Pinang.

12 Disember 1941 – Jitra dan Alor Star jatuh ke tangan Jepun. Pihak British terpaksa berundur ke selatan.

17 Disember 1941 – Tentera British yang telah meninggalkan Pulau Pinang lalu diambil oleh Tentera Jepun.

26 Disember 1941 – Tentera Jepun terus mara menuju ke arah selatan lalu menawan Ipoh.

30 Disember 1941 hingga 2 Januari 1942 – Tentangan sengit terhadap kemaraan tentera Jepun dalam Pertempuran Kampar berlangsung tiga hari tiga malam sebelum pihak British terpaksa berundur sekali lagi.

7 Januari 1942 – Dua pasukan Briged dari Bahagian Infantri India ke-11 telah dipintas dalam Pertempuran Slim River lantas membuka laluan tentera Jepun ke Kuala Lumpur, ibu kota Malaya.

9 Januari 1942 – Pihak British yang dalam keadaan terdesak, Panglima Tertinggi ABDACOM (American-British-Dutch-Australian Command), Jeneral Wavell, memutuskan untuk mengundurkan semua pasukan British dan Komanwel ke selatan yakni ke Johor.

11 Januari 1942 – Akibat daripada pengunduran tersebut, Kuala Lumpur telah jatuh kepada tentera Jepun tanpa sebarang tentangan.

14 Januari 1942 – Tentera Imperial Australia yang bergerak menuju ke utara dari Segamat ke Gemas bertembung dengan pasukan tentera Jepun yang sedang mara.

15 Januari 1942 – Divisyen Ke-5 Jepun yang merupakan pasukan utama tentera Jepun tiba dan memaksa Tentera Imperial Australia kembali ke Segamat yang dikenali sebagai Pertempuran Muar.

17 Januari 1942 – Pihak British mengarah Batalion 2/19 dan 2/29 menyerang balas di Bakri. Operasi tersebut menemui kegagalan apabila tentera Jepun telah melakukan serang hendap sebelum ianya bermula.

20 Januari 1942 – Pendaratan lanjut tentera Jepun dilakukan di Endau walaupun menerima tentangan hebat dari serangan udara pengebom torpedo Vickers Vildebeest.

31 Januari 1942 – Seluruh Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun.

Peranan Adat Perpatih dalam mencapai kemerdekaan


DR. MOHD FAUZI FADZIL

 Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan
Majlis Belia Malaysia

ADAT Perpatih adalah sistem budaya yang diamalkan oleh segelintir masyarakat Melayu bermula sekitar tahun 1066 Masihi, sistem budaya itu wujud lebih lama berbanding Common Law.

Orang Minangkabau mula sampai ke bumi Negeri Sembilan pada permulaan abad ke-14, kedatangan mereka membawa amalan Adat Perpatih.

Pada masa kini Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri yang mengamalkan dua sistem demokrasi iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Adat Perpatih.

Perkara ini dapat dilihat dalam sistem pelantikan pemimpin di mana Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri dipilih berlandaskan Perlembagaan Persekutuan manakala lantikan Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah melalui Adat Perpatih.

Negeri Sembilan mempunyai empat lagi Raja di Luak atas nama Undang Luak yang menentukan dan berkuasa mutlak memilih Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Adat Perpatih dalam masyarakat di Tanah Melayu pada zaman pra-kemerdekaan menyaksikan beberapa budaya tetap diamalkan, antara budaya penting dalam masyarakat Minangkabau adalah budaya merantau yang telah melahirkan kelompok yang dikenali sebagai Minangkabau Perantauan.

Antara sebab Orang Minangkabau merantau adalah kerana menuntut ilmu. Kewujudan golongan Minangkabau Perantauan Intellect ini mula direkodkan semenjak akhir abad ke-18 apabila berlaku pola pelajar Minangkabau yang merantau ke Mekah untuk mendalami agama Islam.

Budaya merantau dalam kalangan Orang Minangkabau menjadikan sesetengah mereka sebagai sasterawan dan ahli akademik yang kemudiannya menghasilkan sumber penulisan

kreatif dan akademik.

Golongan ini terus lahir pada zaman pra-kemerdekaan dengan melahirkan tokoh-tokoh seperti Abdul Rahim Kajai dan Za'aba, anak-anak Minangkabau yang diasuh dengan budaya tempatan itu telah melahirkan penulisan yang bersifat kebangsaan sehingga lahir pemikiran ke arah menuntut kemerdekaan.

Perkembangan ajaran Islam di alam Nusantara semenjak abad ke-7 turut memberi pengaruh kepada penulisan sastera dalam Adat Perpatih. Penulisan sastera ini digunakan oleh Orang Minangkabau sebagai alat dakwah.

Penulisan sastera pertama yang dikenalpasti digunakan sebagai alat dakwah oleh Orang Minangkabau adalah Tambo Minangkabau.

Budaya penulisan diteruskan sehingga zaman pra-kemerdekaan dengan tema berasaskan pengetahuan Bahasa Melayu.

Penulisan berkenaan menjadi rujukan yang berguna untuk mengkaji keagungan nahu bahasa Melayu.

Antara penulis yang turut menyumbang pada zaman tersebut adalah Za'aba yang menonjolkan bahasa Melayu sebagai lidah bangsa kepada Melayu yang tersimpan roh dan semangat kebangsaan dan kebudayaan bahkan sudah menjadi pusaka nenek moyang dari dahulu kala.

Hal ini menunjukkan bahawa

jati diri bangsa Melayu itu selain daripada agama Islam, turut sama adalah bahasanya juga.

Hasil penulisan zaman pra-kemerdekaan ini menghasilkan kempen 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang seterusnya diterjemahkan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Amalan Adat Perpatih bukan sahaja melatih bakat kepimpinan dalam kalangan anak lelaki, malah ia turut melatih bakat kepimpinan dalam kalangan anak perempuan.

Misalnya anak lelaki dilatih untuk tidur di surau apabila mencecah usia tertentu, mereka akan diajar ilmu berkaitan adat, agama dan seni mempertahankan diri sepanjang bermalam di surau.

Anak perempuan pula diberi peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan harta pusaka dan melaksanakan peranan pendidikan adat dan agama dalam sesebuah keluarga.

Melalui latihan dalam sistem adat ini maka lahirlah beberapa nama besar sebagai pejuang kemerdekaan seperti Aishah Ghani, Burhanuddin al-Helmi dan Shamsiah Fakeh.

Adat Perpatih terbukti berperanan secara tidak langsung membantu membuka minda dan melahirkan pejuang kemerdekaan yang berjaya.

Minda masyarakat pra-kemerdekaan yang dibelenggu dengan isu kemiskinan disebabkan pemikiran lama seperti fahaman tahyul yang mereka warisi telah dimerdekakan hasil

usaha anak-anak Minangkabau yang berjuang untuk mengubah nilai budaya ke arah lebih baik.

Justeru itu, hari kemerdekaan ke-67 yang bakal disambut pada tahun ini perlu diraikan dengan usaha mengekalkan Adat Perpatih yang terbukti menjadi faktor yang menyumbang ke arah kemerdekaan Malaysia.

Naratif Kiro

Sudahkah kita merdeka?

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar
Negeri Sembilan

PADA awal kebangkitan Gerakan Islam, istilah Merdeka ini dilihat satu yang terkait dengan pembebasan umat Islam terhadap penjajahan musuh Islam yang telah menjajah negara-negara Islam secara perlembagaan walaupun telah dimerdekakan.

British, Belanda, Itali, Perancis, Rusia antara negara besar yang menjadi kolonial suatu ketika dahulu telah meninggalkan kesan jajahan di setiap negara melalui perlembagaan negara. Malaysia tidak terkecuali.

Gegak gempita kelompok kecil orang Islam di Malaysia menuntut kita bebas dari perlembagaan penjajah yang 'toghut'. Lebih-lebih lagi yang terkesan dengan Gerakan Revolusi Iran.

Apabila ada sebahagian dari mereka melancarkan pembebasan dari perlembagaan penjajah itu mendapat sokongan, bila ditanya, apakah ada perlembagaan baharu untuk Malaysia? Maka jawabnya hanyalah "Kembali kepada Islam".

Apabila sebahagian mereka dipilih menjadi ahli dewan rakyat, mereka tidak menunjukkan usaha untuk mengubah secara total. Hanya menyentuh satu dua RUU sahaja. Apabila mereka diberi peluang menjadi kerajaan, tiada apa pun perubahan perlembagaan dibuat. Bahkan yang diheretnya satu padang berhimpun pun senyap sunyi.

Inilah minda terjajah sebenarnya. Terjajah kerana tidak tahu apa perubahan yang mereka mahu. Islam tidak sebegitu. Perlembagaan Malaysia hari ini adalah lambang bebasnya Malaysia dari sebarang penjajah. Malaysia punyai masyarakat majmuk.

Islam di Malaysia telah menjadi agama rasmi. Tiada siapa boleh mengugatnya. Merdeka bukan hanya laungan. Merdeka kita kerana negara kita punyai rakyat yang yakin dan sanggup mempertahankan negara dari dijajah. Merdeka!



Negeri Sembilan mahu **eksport durian** ke pasaran luar negara

SEREMBAN: EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, adalah menjadi hasrat beliau untuk Negeri Sembilan memiliki sebuah kilang memproses buah durian pada skala besar untuk tujuan pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Kesinambungan daripada itu, saya bersama beberapa Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Sembilan telah ke Raub, Pahang bagi meneliti pengurusan dan pengoperasian kilang memproses durian yang antara terbaik di negara ini.

"Selepas meluangkan masa lebih dua jam, saya optimis untuk mencadangkan kewujudan hub pengeluaran durian di Negeri Sembilan



dalam tempoh masa terdekat.

"Hub pengeluaran durian ini haruslah memberi manfaat kepada orang kampung dalam soal harga

buah durian yang bakal dikomersialkan," kata Jalaluddin.

Jalaluddin berkata, beliau menjangkakan dengan tertubuhnya hub

pengeluaran durian Negeri Sembilan ini, ia bakal menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada penduduk setempat, di samping mampu mengupayakan industri hiliran dalam pasaran ekonomi kita.

"Yang pastinya kita juga akan meneliti dari segi kualiti buah mengikut varieti seperti Musang King, IOI, D24, Tupai King, Theka dan sebagainya.

"Insya Allah sedikit masa lagi nama Negeri Sembilan akan mekar di persada antarabangsa dek kerana produk buah duriannya," ujar Jalaluddin yang juga EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan.

Aminuddin bakal Menteri Ekonomi?



SEREMBAN: Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menepis spekulasi bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Ekonomi.

"Saya tidak dapat apa-apa maklumat tentang perkara tersebut dan Perdana Menteri pun tidak panggil saya untuk maklum perkara itu.

"Saya menyifatkan spekulasi tersebut sebagai 'berita nakal'," kata Aminuddin di Sidang Media Pasca Mesyuarat Exco di Wisma Negeri.

Sejak beberapa hari lepas, khabar angin bertiup kencang apabila dikhabarkan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim akan membuat rombakan kabinet dan ini membabitkan seorang Menteri Besar.

Seterusnya tular sebuah poster di media sosial, kononnya Badan Perhubungan UMNO mengucapkan tahniah kepada Aminuddin di atas lantikan beliau sebagai Menteri Ekonomi.



Inisiatif sedia ada akan **diteruskan** pada tahun 2025

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan meneruskan inisiatif sedia ada pada tahun 2025.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Kerajaan Negeri dalam proses merangka Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2025.

"Inisiatif sedia ada kita tidak akan batalan, bermakna kita akan teruskan dan mungkin akan ada sedikit penambahbaikan.

"Kalau Kerajaan Negeri mempunyai lebihan bajet, mungkin kita akan tambah inisiatif baharu pada Belanjawan 2025 nanti," kata Aminuddin pada sidang media di Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas

Pertama Yayasan Negeri Sembilan di Royal Chulan, Seremban.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata Kerajaan Negeri akan mengikut apa jua keputusan Kerajaan Persekutuan dan akan patuh sepenuhnya termasuk berkaitan kenaikan gaji penjawat awam.

"Kita ada bincang bagaimana untuk menyerap perbelanjaan emolumen berkaitan kenaikan gaji penjawat awam dalam Konsultasi Belanjawan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan baru-baru ini.

"Ini akan menambah pembayaran emolumen kepada penjawat awam Negeri Sembilan," jelas Aminuddin.

Negeri Sembilan perkenal beras Perpatih

NILAI: Kerajaan Negeri Sembilan telah memperkenalkan jenama beras sendiri yang dikenali sebagai 'Perpatih' bagi memenuhi permintaan pengguna di negeri ini.

EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias melancarkan beras 'Perpatih' sempena NS Fest di Dataran Nilai baru-baru ini.

"Sebenarnya apabila kita bercakap soal beras ini, ianya lebih kepada bidang kuasa Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Akan tetapi, sebagai Exco yang bertanggungjawab terhadap soal keterjaminan makanan rakyat ini, takkan lah saya hendak berpeleuk tubuh, berdiam diri sambil

menunggu masalah ini diselesaikan oleh Kerajaan Pusat.

"Bagi menunjukkan Kerajaan Negeri serius dalam membangunkan industri padi ini, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk melancarkan beras jenama sendiri yang dapat menonjolkan identiti Negeri Sembilan.

"Beras Perpatih ini akan mula kita jual melalui Jualan Negeri Sembilan Prihatin di seluruh Negeri Sembilan mengikut jadual yang telah ditetapkan," jelas Jalaluddin yang juga ADUN Pertang.

Jalaluddin berkata, untuk jangka masa panjang, selepas masalah penawaran dan permintaan beras ini stabil, Beras Perpatih ini akan mula dipasarkan di kedai-kedai di dalam Negeri Sembilan.



Tiga langkah atasi masalah banjir di Pekan Nilai

NILAI: Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sembilan akan mengambil tiga langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir di Pekan Nilai.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar berkata, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi tiga projek atasi masalah banjir di Pekan Nilai.

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batang Labu.

2. Menaiktaraf Kolam Tadahan Air Hujan Taman Desa Jasmin, Nilai - RM3 juta.

3. Menaiktaraf sistem perparitan Pekan Nilai - RM700 ribu.

"Kawasan Pekan Nilai adalah kawasan yang paling rendah di Nilai dan setiap kali hujan sebahagian kawasan di Pekan Nilai selalu



banjir.

"Antara punca berlakunya banjir adalah pertembungan tiga batang sungai di Pekan Nilai, iaitu Sungai Batang Nilai, Sungai Sekah dan Sungai Batang Labu.

"Pertembungan ini menyebabkan air 'backflow' dan beberapa kawasan dinaiki banjir," jelas Arul Kumar.

Arul Kumar berkata, Kolam Tadahan Air Hujan Taman Desa Jasmin, Nilai yang sepatutnya menjadi tempat untuk air bertakung dan dikeluarkan secara berperingkat tidak berfungsi dan air yang masuk ke kolam tersebut dari kawasan Putra Nilai, Desa Indah dan sebelah Plaza Tol Nilai tidak bertakung dan terus keluar dan mengalir ke Pekan Nilai yang menyebabkan masalah banjir sering kali berlaku.

Satu lagi perkara yang menyebabkan air bertakung di hadapan barisan kedai adalah tidak ada sistem perparitan yang sesuai.

Justeru itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sembilan akan laksana tiga langkah penyelesaian seperti berikut:

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Batang Labu di peringkat kajian sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Kedua-dua sungai di Pekan Nilai yang bertembung, iaitu Sungai Batang Nilai dan Sungai Sekah akan bersambung ke Sungai

Batang Labu.

Dengan pelaksanaan projek RTB di Sungai Batang Labu, pengaliran air dari Sungai Sekah dan Sungai Batang Nilai lebih lancar dan risiko banjir di Pekan Nilai dapat dikurangkan.

2. Kerja-karya menaiktaraf Kolam Tadahan Air Hujan Desa Jasmin akan membantu untuk membolehkan lebih banyak air hujan bertakung dan akan dikeluarkan secara berperingkat melalui Sungai Sekah juga akan mengurangkan risiko banjir di Pekan Nilai.

Kolam-kolam takungan ini yang dibina 25 tahun lepas tidak lagi beroperasi dengan berkesan kerana terdapat banyak pembangunan di kawasan kawasan berdekatan.

Selain itu, Kerja-Kerja Pemuliharaan Tebing Sungai Sekah di Kampung Sekah juga akan dilaksanakan.

Kolam Takungan di Taman Semarak, Nilai juga akan dinaiktaraf dengan meninggikan ban agar lebih banyak air dapat bertakung.

3. Projek menaiktaraf sistem perparitan di Pekan Nilai juga akan membantu mengurangkan risiko banjir di kawasan yang rendah di Pekan Nilai dan air hujan akan terus 'discharge' di beberapa tempat terus ke sungai belakang Pekan Nilai.

"Kesemua pelaksanaan projek ini akan membantu mengurangkan risiko banjir di Pekan Nilai," ujar Arul Kumar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nilai.



Ahli koperasi disarankan memanfaatkan insentif TUNS

NILAI: Ahli koperasi disarankan memanfaatkan inisiatif Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, Veerapan Superamaniam berkata, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan TUNS yang merupakan pembiayaan secara geran berjumlah RM3,000 yang disasarkan kepada penaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. "Objektif utama penubuhan TUNS ini sejak tahun 2019 adalah supaya lebih ramai golongan usahawan pada skala ini berjaya diwujudkan melalui inisiatif ini.

"Justeru itu, saya menyarankan koperasi-koperasi yang mempunyai anggota yang



terdiri daripada para penaja atau peniaga kecil untuk memanfaatkan peruntukan ini berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan," kata Veerapan.

Veerapan berkata demikian di Majlis Perasmian Hari Koperasi

Negeri Sembilan sempena NS Fest di Dataran Nilai.

Dalam pada itu, Veerapan berkata, sehingga Disember 2023, Negeri Sembilan telah mencatatkan jumlah koperasi sebanyak 780 buah den-

gan keanggotaan melebihi 192 ribu orang dengan modal syer dan yuran terkumpul berjumlah RM123 juta dan jumlah aset sebanyak RM400 juta yang telah menjana jumlah perolehan koperasi berjumlah RM190 juta.

"Saya dimaklumkan sebanyak dua buah koperasi di Negeri Sembilan ini telah tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik

Malaysia pada tahun 2024 dengan sumbangan perolehan sebanyak RM49.4 juta.

"Ini menunjukkan bahawa sektor koperasi negeri ini mampu memainkan peranan penting dalam meningkatkan

sosioekonomi masyarakat setempat.

"Justeru itu, penyertaan koperasi di dalam aktiviti ekonomi amatlah diharapkan agar gerakan koperasi Negeri Sembilan terus relevan dan diyakini dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam arus pembangunan ekonomi negeri ini.

"Pada hemat saya, kunci kepada kejayaan sesebuah koperasi adalah penyampaian perkhidmatan atau penghasilan produk yang berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan," ujar beliau yang juga ADUN Repah.

Veerapan menambah, adalah wajar koperasi memahami dan mengambil berat terhadap keperluan-keperluan pelanggan untuk terus berkembang maju.

Jangan harap Amerika dan Britain selesai isu Palestin, umpama harap sisik pada ikan keli

KUALA LUMPUR: Presiden Amanah, Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah rakyat Palestin yang terkorban akibat Perang Gaza, sejak Oktober 2023 hingga sekarang lebih 40,000 orang.



tapi boleh berucap di negara yang kononnya pemegang teraju dunia," ujarnya.

Mohamad berkata demikian di Himpunan

Pembebasan Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil.

Menurut Mohamad, timbang tara dalam sukan pun telah hancur. Russia dan Belarus tidak diizinkan masuk Sukan Olimpik Paris 2024, tapi Israel dibenarkan menyertai Sukan Olimpik.

"Apa jadi? Bandar Paris sunyi dan minyak wangi Paris tidak laku kerana rakyat Paris demonstrasi menentang penyertaan Israel dalam Sukan Olimpik.

"Janganlah kita meletakkan harapan kepada Amerika dan Britain untuk menyelesaikan krisis Palestin ini, 'umpama mengharapkan sisik pada ikan keli!', kerana merekalah yang bertanggungjawab di atas penubuhan Zionis Israel," tegas Mohamad lagi.

Mohamad meminta Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim membuat satu tata cara baru di dunia bagi menangani konflik Palestin.

"Saya yakin roh Ismail Haniyah dan rakan-rakan yang syahid sedang memanggil kita untuk membebaskan bumi Palestin.

"Wahai perdana menteri yang ku kasihi. Nama mu harum di seluruh dunia.

"Kamu berupaya membuat satu tata cara baru di dunia ini. Rapatlah dengan negara-negara Islam yang iktiraf Israel, tapi ajar mereka putus hubungan dengan Israel.

"Wahai Perdana Menteri yang bijaksana, tak sampai dua tahun ekonomi sudah pulih, ringgit malaysia semakin kukuh.

"Kamu berupaya sebagai pemimpin kami, bantulah negara-negara yang bermusuhan dengan Israel, supaya mereka kuat.

"Sebarang tindakan ke atas Israel jangan bimbang, kita dapat sokongan rakyat Eropah," kata Mohamad.

Tuanku Muhriz mencemar duli berangkat ke Pemasysuran Kolej Tingkatan Enam



SEREMBAN: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Mukhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud telah berkenan mencemar duli berangkat ke Pemasysuran Kolej Tingkatan Enam Tuanku Muhriz.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, pemsyhu-

ran nama ini merupakan penghargaan dan penghormatan kepada Tuanku Muhriz sebagai pemerintah tertinggi Negeri Sembilan.

Semoga pemsyhu- ran ini akan membawa keberkatan dan meningkatkan prestasi kolej agar lebih cemerlang dan menyerlah pada masa hadapan.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.



Aminuddin lancar N9PAY, gerbang pembayaran tanpa tunai

NILAI: Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri Sembilan (N9PAY) telah dilancarkan oleh Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun di NS Fest 2024.

Aminuddin berkata, objektif N9PAY adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan hasil kerajaan dan agensi negeri, sebagai platform setempat (one stop center) untuk orang awam membuat pembayaran secara cashless bagi pelbagai perkhidmatan oleh jabatan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun negeri dan mempelbagai kaedah pembayaran dengan menyediakan gerbang pembayaran tanpa tunai (cashless) selain pembayaran secara konvensional di kaunter-kaunter pejabat kerajaan.

Pelaksanaan N9PAY mempunyai tiga Fasa iaitu:

Fasa 1 - Go Live bermula 1 Julai 2024

Pelaksanaan aplikasi web (web based application) dengan pembayaran melalui FPX/DuitNow.

Terdapat enam jabatan/agensi terlibat dan jenis perkhidmatan tersebut ialah:

- Bahagian Perumahan, PSUKNS (Sewaan Rumah Harga Rendah).



- Jabatan Mufti Negeri Sembilan (Pembelian buku).

- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Zakat dan Wakaf).

- Majlis Bandaraya Seremban (Cukai Taksiran, Kompaun, Sewaan dan Pelbagai).

- Majlis Perbandaran Port Dickson (Cukai Taksiran, Kompaun dan Sewaan).

- Syarikat Air Negeri Sembilan (Bil Air).

Fasa 2 – Go Live bermula 1 Januari 2025

Pelaksanaan aplikasi mudah alih (mobile application) dengan tam-

bahan kaedah pembayaran iaitu kad debit/kredit.

Manakala tambahan penyertaan sebanyak sembilan jabatan/agensi dengan 20 perkhidmatan yang akan terlibat.

Fasa 3 – Go Live bermula 1 Julai 2025

Pelaksanaan tambahan kaedah pembayaran e-Wallet dan tambahan penyertaan 35 jabatan/agensi dengan 40 perkhidmatan yang akan terlibat.

Menurut Aminuddin, pembayar tidak perlu lagi untuk hadir ke kaunter-kaunter Kerajaan Negeri untuk membuat pembayaran.

"Ini dapat menjimatkan perbel-

anjaan seperti minyak dan bayaran letak kereta dan juga tenaga.

"Ia menyenangkan, malah memperkasakan kualiti hidup kita.

"Pembayar hanya perlu melayari satu portal pembayaran sahaja iaitu portal N9PAY yang mana semua pembayaran dapat diselesaikan sekaligus.

"Kaedah bayaran pula adalah berbagai yang meliputi FPX/DuitNow, e-Wallet, Kad Debit dan Kad Kredit.

"Manakala transaksi pembayaran direkod secara langsung dan bil yang kerap dibayar dapat disimpan bagi memudahkan pengurusan bayaran pada masa akan datang," jelas beliau.

Aminuddin berkata, dengan rekod yang disimpan di N9PAY, ia dapat mengelakkan tunggakan bil daripada berlaku.

"N9PAY adalah salah satu contoh kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri supaya dapat mengoptimalkan sumber kewangan dan sumber manusia.

"Saya difahamkan pembangunan N9PAY melibatkan kepakaran fungsian dan teknikal yang ada di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

"N9PAY juga memaksimumkan penggunaan perkakasan ICT sedia ada," ujar Aminuddin lagi.

Lapan langkah atasi masalah kemudahan infra di Pasar Awam Telok Kemang

SRI TANJUNG: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Tanjung, P.Rajasekaran bersama Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Annamalai Segaran telah mengadakan lawatan ke Pasar Awam Telok Kemang.

"Lawatan ini bertujuan berjumpa dengan peniaga, mendengar aduan dan mengenal pasti permasalahan yang timbul di pasar awam ini.

"Justeru itu, beberapa langkah akan diambil bagi menangani isu di pasar awam ini khususnya berkaitan kemudahan infrastruktur," kata Rajasekaran.

Langkah-langkah susulan yang akan diambil adalah seperti berikut:

1. Penutup Longkang patah/hil-



ang - Meminta Jabatan Kejuruteraan MPPD untuk menggantikan penutup longkang yang rosak atau hilang dengan segera untuk mengelakkan risiko kemalangan.

Setakat ini sudah berlaku lima kes pengunjung pasar sudah jatuh di dalam longkang termasuk ibu hamil.

2. Lampu dan kipas rosak - Merujuk aduan ini kepada Jabatan Elektrik MPPD dan meminta mereka menggantikan atau membaiki lampu dan kipas yang rosak untuk memastikan keadaan yang selesa dan selamat.

3. Tiles (jubin) pecah - Meminta Jabatan Kejuruteraan MPPD untuk membaiki atau menggantikan tiles yang pecah bagi mengelakkan kecederaan kepada pengunjung pasar.

4. Penurapan jalan semula - Memohon Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPPD untuk menilai keadaan jalan dan melakukan penurapan semula

terutamanya berdekatan dengan gerai menjual ayam dan ikan kerana saliran air tidak lancar.

5. Awning lusuh dan bocor - Meminta Jabatan Kejuruteraan untuk membaiki atau menggantikan awning yang lusuh dan bocor untuk melindungi kawasan pasar dari hujan dan panas.

6. Bird Spike di Medan Selera Makan - Memasang bird spike untuk mengelakkan burung daripada hinggap dan mengotorkan kawasan Medan Selera Makan.

7. Tempat Roro tidak dicuci selepas kutipan sampah - Memohon SWM untuk memastikan tempat roro dicuci dengan bersih selepas kutipan sampah untuk mengelakkan bau busuk dan masalah kebersihan.

8. Tandas Awam - Meminta Jabatan Kejuruteraan MPPD untuk membaiki pendawaian dan tandas.

DUN Negeri Sembilan sebulat suara **kecam pembunuhan** Ismail Haniyeh

SEREMBAN: Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan sebulat suara menerima usul mengemukakan pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas, Ismail Abdel Salam Ahmad Haniyeh di Tehran.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat - PH) yang membentangkan usul tersebut berkata, Kerajaan Negeri Sembilan mengambil langkah ini untuk mengemukakan perbuatan rejim Zionis yang tidak berkesudahan.

"Tindakan membunuh pemimpin Hamas di Tehran akan mencetuskan 'regional war' yang akan mengakibatkan peperangan yang lebih besar kerana melibatkan negara yang tidak berkaitan dalam konflik di tanah Palestin.

"Justeru itu, DUN Negeri Sembilan



sebulat suara menerima usul ini dan bermuafakat menzahirkan sokongan penuh kepada usaha membebaskan Palestin dengan memberikan hak sepenuhnya kepada rakyat Palestin untuk berdiri

secara bebas dalam tanah Palestin.

"Peperangan wajib dihentikan. Dunia hari ini tidak boleh menerima sebarang usaha penjajahan yang sedang dilakukan oleh Rejim Zionis, sedangkan sesebuah negara berdaulat telah diberikan hak mengi-

kut peraturan yang ditetapkan dan disepakati secara global.

"Negeri Sembilan bersolidariti dengan Palestin," ujar Aminuddin di Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Sebelum ini seluruh dunia dikejutkan dengan pembunuhan terancang Ismail Haniyeh pada 31 Julai lalu di kediaman beliau ketika menghadiri Majlis Angkat Sumpah Presiden Iran yang baharu.

Ini merupakan satu lagi jenayah perang oleh rejim Zionis yang dilakukan tanpa perikemanusiaan sejak 7 Oktober 2023.

Kekejaman ini telah mengorbankan lebih 40,000 rakyat Palestin dan kebanyakan adalah dari kalangan kanak-kanak dan wanita yang tidak berdosa.

DUN Negeri Sembilan lulus Bajet Tambahan RM11.9 juta

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat - PH) telah membentangkan Belanjawan Tambahan 2024 sebanyak RM11,900,000 pada Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Aminuddin berkata, Kerajaan Negeri telah menyediakan Belanjawan Tahun 2024 dengan anggaran kutipan hasil sebanyak RM520 juta, manakala Anggaran Belanja Mengurus sebanyak RM555 juta termasuk Anggaran Belanja Pembangunan sebanyak RM140 juta.

"Fokus Belanjawan 2024 adalah melaksanakan inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat mengimbangkan di antara keperluan sara hidup dan pengukuhan ekonomi supaya terus berdaya tahan (resilience).

"Berdasarkan keadaan semasa, terdapat keperluan untuk menyelaraskan semula keperluan Belanjawan Tahun 2024, dan dengan anggaran bagi perbelanjaan mengurus sebanyak RM11,900,000 bersamaan dengan 2.14 peratus daripada peruntukan asal Belanjawan Tahun 2024 yang merangkumi peruntukan untuk Emolumen sebanyak RM2,774,000; Bekalan dan Perkhidmatan RM5,565,000; Harta-Harta Modal Yang Lain RM561,000 serta Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM3,000,000.

"Usul ini telah diterima dalam sidang kali ini dan pihak Kerajaan Negeri semestinya akan memastikan peruntukan ini diuruskan dengan baik dan seterusnya memberikan impak kepada pendapatan Kerajaan Negeri bagi tahun 2024," kata Aminuddin.

13 langkah zahir solidariti bersama Palestin

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat - PH) mencadangkan 13 langkah untuk orang ramai menzahirkan solidariti bersama rakyat Palestin yang diserang oleh puak rejim zionis.

Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Mengutuk sekeras-kerasnya serangan tentera rejim zionis di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ke atas jenayah terancang dengan membunuh Ismail Haniyeh, Ketua Biro Politik Hamas yang berada di Tehran.
- 2) Merakamkan rasa kecewa tidak terhingga tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kenyataan yang begitu lemah terhadap serangan ganas rejim zionis terhadap Gaza dan Rafah sejak 7 Oktober 2023 yang lalu.
- 3) Memutuskan untuk mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mencela rejim zionis dan bukannya semata-mata membuat kenyataan yang lemah.
- 4) Memutuskan agar Kerajaan Malaysia untuk bekerjasama dengan negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk mendukung prinsip undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Per-



tubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menangani krisis kemanusiaan di Gaza, Palestin.

5) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi merujuk situasi akibat serangan Tentera Rejim Zionis Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

6) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mendapatkan Advisory Opinion Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

7) Memohon supaya negara Turki mempertimbangkan untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan Statut Rome, Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

8) Menyeru supaya satu siasa-

tan bebas yang penuh dibuat terhadap serangan Tentera Rejim Zionis dan bukannya setakat siasatan yang tidak berpihak.

9) Menyokong sepenuhnya desakan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Hak Asasi Manusia melalui Resolusi yang telah diterima pada 2 Jun 2010, supaya siasatan yang berakuntabiliti dan bebas sepenuhnya dibuat mengenai serangan ini.

10) Mengalu-alukan tindakan negara Mesir membuka sempadan Rafah tanpa syarat bagi memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan tanpa sebarang halangan.

11) Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya terus menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Palestin di Gaza tanpa menghirau dan gentar kepada ancaman rejim rionis.

12) Menyeru rakyat Palestin supaya bersatu dengan tujuan mempertahankan hak mutlak mereka bagi menubuhkan negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat.

13) Menzahirkan sokongan padu rakyat Negeri Sembilan kepada perjuangan rakyat Palestin ke arah pembentukan negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.

Aminuddin berkata demikian di Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Felda ambil enam langkah hadapi Program Tanam Semula

SEREMBAN: EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Dato' Seri Jalaluddin Alias (Pertang-BN) berkata, antara langkah-langkah yang diambil oleh Felda dalam perediaan menghadapi Program Tanam Semula pada masa akan datang ialah:

i. Memfokuskan perancangan dan penyediaan blueprint yang lebih rapi dari segi perancangan kerja tanam semula, keadaan topografi ladang, memperbaiki jalan pertanian dan membuat kawalan musuh penyakit bagi mencapai kos yang optimum untuk peneroka.

ii. Menyediakan kawasan tapak semaian bagi membekalkan keperluan benih berkualiti seperti Yangambi 3 Way di mana benih terse-



but mampu memaksimumkan jumlah bilangan pokok dalam 1 hektar (160 pokok per hektar).

iii. Penyediaan fasiliti yang lengkap dan menaiktaraf infrastruktur seperti stor baja dan asrama pekerja.

iv. Bekerjasama bersama rancangan bagi menyelesaikan segala isu yang ber-

kaitan pewarisan.

v. Mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri bagi proses penukaran status tanaman dalam gerah tanah peneroka khususnya bagi Program Tanam Semula Getah ke sawit.

vi. Khusus peneroka saw-

it, caruman tabung tanam semula telah diwujudkan di mana setiap peneroka akan mencarum sebanyak RM120 setiap bulan melalui potongan paysheet dan ianya akan digunakan sepenuhnya bagi menampung kos perbelanjaan tanam semula yang akan datang. (Anggaran caruman sebanyak RM28,800 setiap peneroka: RM30 x 4 hektar x 12 bulan x 20 tahun).

Jalaluddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan ADUN Sungai Lui, Dato' Mohd Razi Mohd Ali (BN) di Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Jalaluddin berkata, rancangan yang telah meneri-

ma kelulusan dan akan terlibat dengan Program Tanam Semula di Felda Wilayah Raja Alias adalah Bukit Rokan Utara (Zon Rokan); Jelai 1, Jelai 3 dan Jelai 4 (Zon Jelai); Palong 1, Palong 2, Palong 4, Palong 6 dan Palong 7 (Zon Palong) dan Lui Timur (Zon Lui).

"Antara insentif yang ditawarkan oleh Felda adalah Insentif Tanam Semula Akan Datang di mana ianya telah ditawarkan kepada peneroka yang tiada hutang dengan FELDA atau hanya menikmati pelupusan hutang tidak melebihi RM5,000.00 (Projek Wajar).

"Nilai asasnya adalah RM10,883.00 per hektar bagi yang bersama FELDA, manakala RM5,442.00 per hektar bagi peneroka mandiri," kata Jalaluddin.



Negeri Sembilan buka kawasan industri baru, tawar peluang pekerjaan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menyambut baik dasar ekonomi terbuka dan penggalakan pelaburan asing oleh Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat - PH) berkata, melalui kemasukkan pelaburan asing ke negeri ini, ianya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

Kerajaan Negeri mensasarkan agar setiap pelaburan baharu khususnya dalam sektor perkilangan hendaklah projek – projek yang berteknologi tinggi, menjalankan aktiviti automasi dan robotik serta menawarkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Menerusi hasrat ini, Kerajaan Negeri berharap dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah di negeri ini.

"Antara inisiatif dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pelaburan baharu ke Negeri Sembilan dengan menggalakkan pemajuan dan pembukaan kawasan industri baru di negeri ini bagi tujuan penyediaan kawasan industri yang strategik serta dilengkapi infrastruktur yang menepati keperluan industri.

"Banyak kawasan industri baru telah berjaya dirancang dan diselenggarakan pembangunannya seperti di SPD Techvalley, Techpark 3 @ Enstek, Hamilton Industrial Park (di Parcel A, MVV) dan Springhill Industrial Park di Fasa 3.

"Manakala yang masih di dalam fasa perancangan adalah di Eka Smart Industrial Park, di Mukim Labu, NS Semiconductor Valley, Labu Smart Park, Sikamat Industrial Park, MVV Central (Parcel B) dan lain-lain lagi," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata, inisiatif ini adalah amat penting untuk mengatasi kekurangan tanah industri di negeri ini serta memenuhi permintaan para pelabur.

"Kerajaan Negeri juga menyediakan galakan insentif pelaburan seperti penetapan diskaun kadar bayaran premium iaitu sebanyak 15 peratus untuk tempoh 30 hari dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah berkuatkuasa 1 Januari 2024," jelas Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan ADUN Rantau, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan (BN) dan ADUN Lukut, Choo Ken Hwa (PH) di Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Kerajaan Negeri promosi industri makanan tempatan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) telah memperkenalkan inisiatif Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) dan Tabung Usahawan Negeri Sembilan Plus (TUNS+) bagi membantu usahawan-usahawan Negeri Sembilan mengembangkan perniagaan masing-masing.

EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias, selain daripada insentif tersebut, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, PKNNS dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan akan membawa usahawan-usahawan tempatan untuk menyertai karnival/program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri di dalam dan luar negeri.

"Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) sentiasa mempromosikan industri makanan tempatan Negeri Sembilan melalui Segmen Gastronomi di setiap daerah.

"Kerajaan Negeri telah mewujudkan pusat pengumpulan, pemrosesan dan pembungkusan yang tertumpu di daerah Tampin dan Rembau.

"Pusat ini bertujuan untuk memudahkan proses pemasaran hasil pertanian sama ada melalui agensi pelaksana mahupun petani sendiri.

"Antara lokasi yang telah dikenal pasti ialah Tampin Tengah, Gemencheh dan Gemas," kata Jalaluddin.

Turut diwujudkan adalah zon promosi produk tempatan secara bersasar dan berpusat seperti hab pemasaran produk agro dan industri makanan seperti di Kuala Pilah.

Menurut Jalaluddin, antara kawasan tumpuan pemasaran yang berpotensi ialah R&R Ulu Bendul, Medan Selera Parit Tinggi dan Jemapoh.

"Zon promosi ini akan berfungsi untuk memasarkan hasil pertanian dengan sokongan pembangunan Agrobazaar Rakyat (ABR) dan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) yang berskala besar.

"Kerajaan Negeri turut menganjurkan NS FEST pada setiap tahun sejak daripada tahun 2019.

"Uniknya NS FEST ini adalah program tersebut hanya menyasarkan jualan oleh usahawan-usahawan tempatan khususnya yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan di Negeri Sembilan supaya dapat mengetengahkannya sebagai platform peluang perniagaan bagi para usahawan di negeri ini," jelas Jalaluddin.

Kerajaan Perpaduan serius tangani isu pencemaran air sungai



PUTRAJAYA: Kerajaan Perpaduan cukup serius dan cakna mengenai isu pencemaran air sungai di negara.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, usaha secara holistik untuk menjamin keselamatan dan keterjaminan sumber air negara sentiasa diberi keutamaan pada kadar segera.

"Contohnya semua jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri telah diminta untuk melakukan tindakan penguatkuasaan secara lebih drastik mengikut bidang kuasa masing-masing ke atas punca pencemaran dalam menasaskan kualiti air sungai yang bersih demi kesejahteraan rakyat.

"Selain itu, kerajaan juga telah membunkan 'Sistem Pintar Artificial Intelligence (AI) Bagi Penarafan dan Pengelasan Kedudukan Sungai-Sungai di Malaysia (AIR3S)' untuk kegunaan di lembangan sungai negara oleh semua pihak berkepentingan dalam pemantauan meningkatkan kualiti air sungai.

"Semua ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

"Saya hadir mewakili Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun," kata Jalaluddin.



Gelanggang Futsal Taman Bukit Sri Senawang telah dibuka

SEREMBAN JAYA: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seremban Jaya, P.Gunasekaren telah merasmikan Gelanggang Futsal Taman Bukit Sri Senawang.

"Gelanggang ini telah berjaya dibina seperti mana saya janjikan sebelum ini.

"Pada tahun 2008, Pengerusi DAP Cawangan Taman Tuanku Jaafar, Saudara Suriya telah mencadangkan untuk membina gelanggang futsal.

"Tahun 2013, saya telah membawa cadangan ini ke Persidangan Dewan Undangan Negeri demi kebaikan pemuda-pemuda Taman Tuanku Ampuan Najihah dan Taman Bukit Sri Senawang.

"Akhirnya, kerja-kerja pembinaan gelanggang ini telah bermula pada tahun lepas dan berjaya disiapkan pada tahun ini dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seremban (MBS)," jelas Gunasekaren.

Gunasekaren berkata, kejohanan dan pertandingan persahabatan akan diadakan setiap enam bulan sekali di gelanggang ini bagi tujuan mengeratkan hubungan antara pemuda-pemuda Taman Tuanku Ampuan Najihah dan Taman Bukit Sri Senawang walaupun mempunyai



KRT yang berlainan.

"Saya meminta semua penduduk di Taman Tuanku Ampuan Najihah dan Taman Bukit Sri Senawang untuk menjaga kebersihan gelanggang ini.

"Terima kasih kepada Dato' Bandar MBS, Dato' Masri Razali; Setiausaha MBS, Mas Midyawan Yahya; Ahli MBS, Jamilah Said Ali dan Pembantu Ahli Majlis MBS, P.Minnal di atas kerjasama bagi menjayakan pembinaan gelanggang futsal ini," ujar Gunasekaren.

Sementara itu, pertandingan persahabatan bola sepak antara pemuda-pemuda Taman Tuanku Ampuan Najihah dan Taman Bukit Sri Senawang juga telah diadakan sempena majlis perasmian ini.

Negeri Sembilan setuju lanjut tempoh permohonan penginapan pekerja jangka pendek



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju untuk melanjutkan tempoh Permohonan Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek hingga Disember 2027.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar berkata, pelanjutan prosedur jangka pendek (TLQ) ini adalah bagi memberi ruang kepada pengusaha menempatkan pekerja asing di Negeri Sembilan secara lebih teratur dan tersusun serta bersedia ke arah penyediaan penginapan berpusat (CLQ) yang lebih terancang.

"Ini juga bagi mengekalkan ketetapan untuk tidak membenarkan TLQ di kawasan perumahan bagi mengelakkan isu sosial dan keselamatan serta memastikan keselesaan penduduk setempat.

"GPP CLQ ini mempunyai dua alternatif utama yang digariskan.

"Pertama, penginapan pekerja berpusat di kawasan baharu yang berstatus pertanian, komersial dan perindustrian.

"Alternatif kedua adalah di kawasan 'brownfield' iaitu kawasan pembangunan yang telah mendapat kelulusan merancang tetapi ditinggalkan atau terbiar.

"Justeru itu, penambahbaikan GPP CLQ yang dilakukan adalah penting bagi menjamin hak setiap pekerja warga asing dalam mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan terancang di samping menjaga keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan penduduk dan kawasan sekitarnya," kata Arul Kumar.

Zaidy bincang dengan KTMB, bina laluan baru Kampung Orang Asli Panchor



JERAM PADANG: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram Padang, Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir telah mengadakan perbincangan dengan pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Jabatan Ukur Daerah Jempol bagi pembinaan laluan baharu Kampung Orang Asli Panchor.

Mohd Zaidy berkata, perjumpaan ini bagi membincangkan tentang lokasi tapak cadangan padang awam bagi DUN Jeram Padang dan cadangan laluan baru untuk Kampung Orang Asli Panchor.

"Kedua-dua perkara ini melibatkan kawasan tanah pemilikan RAC yang memerlukan kelulusan mereka untuk kegunaan awam.

"Saya berharap pihak RAC meluluskan permohonan kami ini untuk masyarakat kawasan DUN Jeram Padang.

"Penantian selama 30 tahun ini dapat diakhiri setelah kelulusan dan kebenaran oleh pihak RAC.

"Bersama-sama kita doakan agar segala usaha dan perancangan berjalan lancar dengan baik," kata Mohd Zaidy.

Setahun Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan:

Kestabilan politik dan perpaduan untuk kesejahteraan rakyat

JALALUDDIN MUSA
Aktivis Masyarakat

SETAHUN sudah berlalu sejak terbentuknya Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan, dan kini kita dapat melihat hasil positif yang tercapai dalam pelbagai aspek.



Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kuat daripada pimpinan kerajaan, tetapi juga hasil daripada kerjasama erat antara rakyat dan pemimpin.

Dalam artikel ini, saya ingin berkongsi beberapa pencapaian utama yang telah diperolehi dalam tempoh setahun ini.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah kestabilan politik yang berjaya dipertahankan.

Ini adalah faktor kritikal yang membolehkan kerajaan melaksanakan dasar dan program pembangunan dengan lebih efektif.

Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan telah menunjukkan kepimpinan yang matang, dengan semua pihak dalam kerajaan bersedia untuk bekerja bersama-sama demi kepentingan rakyat.

Kestabilan politik yang



merupakan asas kepada kemajuan negeri ini telah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan, pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial.

Selain itu, perpaduan rakyat Negeri Sembilan juga adalah satu pencapaian yang patut dibanggakan.

Dalam tempoh setahun ini, kita telah melihat pelbagai inisiatif

yang memupuk semangat kekitaan dan saling menghormati antara pelbagai kaum dan agama.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program-program yang menggalakkan interaksi antara komuniti, seperti sambutan perayaan bersama dan dialog antara budaya.

Usaha ini telah berjaya merapatkan jurang perbezaan dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Secara tidak langsung menjadi kunci kepada keharmonian sosial.

Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan juga tidak melupakan



tanggungjawabnya untuk memastikan kebajikan rakyat terjaga.

Dalam tempoh setahun ini, pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan, termasuk bantuan kewangan, makanan, dan perumahan kepada golongan yang memerlukan.

Sebagai contoh, Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan telah menyediakan sokongan kepada keluarga berpendapatan rendah, membantu mereka menghadapi cabaran ekonomi yang semakin meningkat. Selain itu, program pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya dan kemudahan awam juga telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menjamin kesejahteraan rakyat.

Kesimpulannya, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan telah membuktikan bahawa perpaduan dan kestabilan politik adalah asas kepada kejayaan dan kesejahteraan masyarakat.

Melalui kerjasama antara kerajaan dan rakyat, kita telah mencapai banyak kejayaan yang memberi manfaat kepada semua.

Namun, perjalanan masih panjang dan banyak lagi yang perlu dilakukan.

Marilah kita terus menyokong usaha kerajaan dalam memastikan Negeri Sembilan terus berkembang dan makmur.

Genap setahun pimpinan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan

EDZWAN ASHRAF

12 OGOS 2023 merupakan satu lagi detik bersejarah apabila keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN ke-15) menyaksikan rakyat telah memberi mandat kepada Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) untuk mengemudi negeri ini dengan mewujudkan Kerajaan Perpaduan.

Hari ini, genaplah sudah setahun Negeri Sembilan dikemudikan oleh dua parti gabungan ini yang dipimpin oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dan barisan Exco yang lain.

Pelbagai perubahan dapat kita saksikan meskipun dalam masa yang begitu singkat. Manakan tidak, berbekalkan pengalaman yang dibawa oleh BN sudah tentu dapat memantapkan lagi Kerajaan Negeri pada hari ini.



Belanjawan yang dihasilkan tahun lalu juga menunjukkan komitmen dua parti gabungan ini serius dalam menunaikan manifesto yang telah dijanjikan ketika PRN. Hal ini dapat kita lihat bahawa Skim Sejahtera Rakyat yang ditawarkan dalam manifesto mereka telah pun ditunaikan ketika pembentangan Belanjawan 2024.

Selain itu, beberapa aspek lain seperti ekonomi, pembangunan, pendidikan, kesejahteraan rakyat, belia dan wanita turut tidak terlepas daripada perhatian Kerajaan Negeri.

Secara tidak langsung, ia menunjukkan bahawa tidak ada satu pun yang terlepas daripada menerima manfaat kerajaan yang dipimpin dua

parti gabungan ini.

Kekuatan dan keakraban dua parti yang dahulunya lawan kini kawan juga dapat dilihat dalam beberapa program yang melibatkan mereka.

Malahan, dalam Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 baru-baru ini kita dapat lihat mereka sempat bergurau

senda di dalam dewan.

Ini menunjukkan sikap profesional dalam diri mereka begitu bagus kerana sanggup menolak permusuhan demi mengutamakan kesejahteraan negeri.

Walaupun begitu, terdapat beberapa percubaan untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan dengan meniupkan khabar angin bahawa wujudnya Langkah Seremban.

Namun, ianya sekadar sia-sia apabila kedua-dua belah pihak menafikan wujudnya langkah itu dan sehingga ke hari ini mereka semakin kukuh dalam memimpin negeri.

Semoga kedua-dua parti gabungan akan terus memimpin dan membangunkan Negeri Sembilan dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera.

1,000 helai Jalur Gemilang megah berkibar di Ampangan



Pusat Khidmat Rakyat DUN Ampangan telah memasang sebanyak 1,000 helai Jalur Gemilang di sekitar Ampangan.

ADUN Ampangan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berkata, 1,000 helai Jalur Gemilang ini dipasang bagi memeriahkan sambutan Hari

Kemerdekaan tidak lama lagi.

"Aktiviti ini turut mendapat sokongan dan kerjasama Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Pengerusi dan Setiausaha JPKK DUN Ampangan serta Ahli Jawatankuasa JPKK DUN Ampangan yang turut dibantu oleh anak-anak muda Ampangan.

Cha sumbang Jalur Gemilang kepada KRT Seremban Jaya



Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin telah menyumbang Jalur Gemilang kepada semua KRT di DUN Seremban Jaya.

"Sumbangan Jalur Gemilang ini diberi bagi menyemarakkan lagi semangat sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos nanti.

"Terima kasih kepada ADUN Seremban Jaya, YB Gunasekaran yang membantu dalam mengaturkan program ini dan membolehkan saya menyerahkan Jalur Gemilang kepada para penerima dari setiap KRT di DUN Seremban Jaya.

"Setiap KRT menerima 30 helai Jalur Gemilang," kata Cha.



Kibarkan Jalur Gemilang: Arul Kumar

ADUN Nilai, J.Arul Kumar menyayurangkan orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda penghargaan kepada pejuang kemerdekaan.

Arul Kumar berkata demikian pada

Majlis Perasmian Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 anjuran Pejabat Penerangan Daerah Seremban yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Nilai Impian.

Mohd Isam sambut konvoi Kembara Merdeka



Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa telah menyambut ketibaan konvoi Kembara Merdeka yang diketuai oleh Ketua Pengarah KEMAS Malaysia, Dato' Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi di Dataran Kampung Tengah, Gemencheh.

Program Sentuhan Kasih Desa Madani Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Kembara Merdeka dan Eksplorasi Desa dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat ini sempena sambutan Bulan Kemerdekaan turut dihadiri oleh ADUN Gemencheh, Suhaimizan Bizar.

"Dalam majlis ini saya menyampaikan sumbangan RM42,000 untuk aktiviti Kemas Daerah Tampin yang terdiri daripada tabika, taska, kelas kemahiran dan komuniti.

"Moga dengan sumbangan ini dapat memberi manfaat kepada pembangunan kanak-kanak dan komuniti dalam daerah ini.

"Pelbagai acara dan pameran agensi kerajaan turut diadakan. Tahniah kepada pihak penganjur dan semua yang terlibat," kata Mohd Isam.

Nor Azman serah Jalur Gemilang kepada JPKK DUN Sikamat

Bagi menyuntik semangat dan jiwa patriotisme di kalangan masyarakat awam, satu program serahan Jalur Gemilang **DUN Sikamat** anjuran Pusat Khidmat Rakyat DUN Sikamat telah diadakan.

Serahan ini disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Besar Negeri Sembilan, Nor Azman Mohamad dan diserahkan kepada semua JPKK di bawah DUN Sikamat.

"Program mengibarkan Jalur Gemilang ini diharapkan dapat mempamerkan semangat kemerdekaan dan bagi memperingati pengorbanan wira-wira kemerdekaan tanah air Malaysia," kata Nor Azman.



Saiful Yazan atur program sempena sambutan Hari Kemerdekaan

ADUN Johol, Saiful Yazan Sulaiman berkata, banyak program yang akan diatur oleh beliau bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

Saiful Yazan berkata demikian sele-

pas menyerahkan Jalur Gemilang kepada JPKK Kampung Tanggai sebagai persediaan untuk sambutan Hari Kebangsaan 2024.

"Jom kibarkan bendera Jalur Gemilang," ujarnya ringkas.

Satu rumah satu Jalur Gemilang



Ahli Parlimen Jempol, Dato' Shamshulkahar Mohd Deli menyeru setiap penduduk Parlimen Jempol mengibarkan bendera Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan.

"Saya telah menerima kunjungan hormat pegawai daripada Pejabat Penerangan Daerah Jempol dan bergambar dengan Jalur Gemilang sebagai simbolik bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan negara ke-67.

"Ayuh kita semua gelorakan Bulan Kemerdekaan dengan menyahut satu rumah satu Jalur Gemilang.

"Terdapat banyak premis-premis yang menjual Jalur Gemilang sempena Bulan Kemerdekaan ini," ujar Shamshulkahar.

Chin Tsai rasmi Kempen Kibar Jalur Gemilang



ADUN Temiang, Ng Chin Tsai merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Negeri Sembilan.

"Sebagai rakyat Malaysia, semua lapisan masyarakat perlu menjiwai semangat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

"Justeru itu, kempen ini dilancarkan bagi mengingatkan masyarakat agar menghargai dan menjiwai erti kemerdekaan," jelas Chin Tsai.

Pelajar IPT, PIBG dan persatuan terima sumbangan kewangan daripada Ismail



ADUN Senaling, Dato' Ismail Lasim telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada PIBG sekolah, persatuan-persatuan dan juga menyampaikan bantuan Institut Pendidikan Tinggi kepada penerima di Pusat Khidmat Rakyat DUN Senaling.

"Sumbangan ini diharap dapat membantu menggerakkan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh sekolah-sekolah dan juga persatuan-persatuan sekaligus mengurangkan beban para penerima dan juga membantu menaikkan motivasi dan semangat moral semua penerima sumbangan," kata Ismail.

Mustapha mahu anak Palong wakil Negeri Sembilan



Kejohanan Sukan Tahunan Kali Ke-41 Tahun 2024 Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Palong 3 telah dirasmikan oleh **ADUN Palong**, Mustapha Nagoor.

"Syabas kepada pihak sekolah di atas penganjuran sukan tahunan ini.

"Selain ianya aktiviti yang menyihatkan tubuh badan, kejohanan ini diharapkan dapat melahirkan

atlet-atlet yang berpotensi besar ke kejohanan lebih besar seperti SUKMA dan lain-lain.

"Saya harap satu hari nanti ada pelajar dari SK Felda Palong 3 mewakili Negeri Sembilan dalam kejohanan sukan peringkat kebangsaan," kata beliau yang juga Exco Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

17 murid SJKT Lorong Java terima Bantuan Anak Sekolah



ADUN Bukit Kepayang, Nicole Tan Lee Koon telah menyampaikan cek sumbangan Bantuan Anak Sekolah (BAS) kepada para penerima daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Lorong Java, Seremban.

Nicole Tan berkata, seramai tujuh belas pelajar menerima cek sumbangan bernilai RM500 setiap seorang daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

"Sumbangan ini adalah antara komitmen Kerajaan Negeri Sembilan dalam membangunkan modal insan negeri iaitu para pelajar di peringkat rendah, menengah dan

pengajian tinggi.

"Murid yang layak daripada sekolah rendah akan menerima sumbangan berjumlah RM500 manakala pelajar daripada sekolah menengah akan menerima Basiswa Anak Negeri berjumlah RM550.

"Bagi pelajar yang layak di peringkat pengajian tinggi pula akan menerima jumlah sumbangan mengikut kategori pengajian masing-masing iaitu RM1,000 (ijazah), RM750 (Diploma) dan RM500 (Sijil)," jelas beliau yang juga Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan.

45 Pengerusi KRT terima Sijil Pelantikan daripada Tok Mat



Seramai 45 Pengerusi-Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di dalam Zon 5 DUN Paroi telah menerima Sijil Pelantikan daripada **Ahli Parlimen Rembau**, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.

"Pada program yang diadakan serentak, saya juga menyempurnakan Majlis Aspirasi Kepimpinan Komu-

niti Erat DUN Paroi di Negeri Sembilan yang diadakan di Dewan Masjid Taman Bandar Senawang.

"Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negeri Sembilan, Pengerusi-Pengerusi KRT Zone 5 DUN Paroi dan Ahli Jawatankuasa yang berjaya menganjurkan majlis ini," kata Mohamad.

Pelajar cemerlang STPM terima 'hadiah' daripada Veerapan



Empat pelajar yang mencatatkan keputusan cemerlang dalam Peperiksaan STPM, telah menerima hadiah berbentuk sumbangan kewangan daripada **ADUN Repah**, Veerapan Supramaniam.

"Empat pelajar cemerlang tersebut ialah Arianne Abigail, Chin Jin Jin, Sugashini Yogamani dan Mohana Theven dari Sekolah Menengah Kebangsaan

Tunku Besar yang berjaya meraih Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 dalam peperiksaan STPM.

"Sumbangan RM500 diberikan sebagai tanda penghargaan dan membantu memenuhi keperluan memasuki alam universiti kelak.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima sumbangan," ujar Veerapan.

Faizal santuni mangsa kebakaran, hulur sumbangan kewangan

Rumah sebuah keluarga yang musnah 100 peratus di Kampung Telok, Pasir Panjang; menerima sumbangan kewangan daripada **ADUN Linggi**, Dato' Faizal Ramli.

"Rumah milik Zainah Hasan musnah 100 peratus mungkin berpunca akibat litar pintas.

"Alhamdulillah, semua ahli keluarga selamat dan sempat keluar.

"Walaubagaimanapun, semua barang keperluan dan dokumen-dokumen penting tidak dapat diselamatkan," kata Faizal.

Faizal berkata, beliau juga telah memaklumkan kepada Jabatan



Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan lain-lain jabatan yang berkaitan untuk turun membantu.

Sufian rancang pelbagai program agama di DUN Seri Menanti



Pelbagai program agama sedang dirancang oleh **ADUN Seri Menanti**, Muhammad Sufian Maradzi.

"Saya telah mengadakan mesyuarat bersama Pengerusi-Pengerusi Kariah Masjid dalam DUN Seri Menanti untuk membincangkan penubuhan semula Persatuan Jemaah Nazir Masjid DUN Seri Menanti serta membincangkan beberapa perkara.

"Antara perkara yang dibincangkan ialah Kelas Tahsin Al Quran, Kelas Ber-

zanji dan Kelas Tarannum Berlagu Al Quran.

"Program Maulid Nabi S.A.W Peringkat DUN Seri Menanti bersama JPKK dan Luak Adat dalam DUN Seri Menanti dan sekolah dalam DUN Seri Menanti.

"Saya juga bercadang untuk menganjurkan Program Karnival Kesenian dan Kebudayaan Islam DUN Seri Menanti," jelas Muhammad Sufian.

Rajasekaren siasat punca bau minyak Taman Nesa dan Taman Megah



ADUN Sri Tanjung, Dr. G. Rajasekaren telah turun padang bagi menyiasat punca bau minyak yang kuat dalam saliran longkang di Taman Nesa dan Taman Megah.

Rajasekaren berkata, masalah tersebut telah membelenggu masyarakat selama 15 tahun.

"Oleh hal yang demikian, saya bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan serta Pegawai Daerah dan Tanah Port Dickson, Puan Nurhazelin Makli telah melakukan siasatan di kawasan tersebut.

"Hasilnya, bau minyak tersebut berpunca daripada limpahan Kolam Takungan Loji

Tapisan Minyak di kawasan berdekatan.

"Sampel air dan daun yang terkesan dengan minyak telah diambil untuk dianalisis di makmal JAS.

"Laporan makmal ini dijangka akan menentukan punca sebenar pencemaran dan langkah-langkah lanjut yang perlu diambil.

"Kami akan terus memantau keadaan ini dan bekerjasama dengan pihak berkuasa berkenaan untuk memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi melindungi kesejahteraan penduduk dan alam sekitar," kata Rajasekaren.

Jualan Rahmah di Taman Bahau dapat sambutan luar biasa



Jualan Rahmah Kasih Sayang Negeri Sembilan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan (KPDNK) telah diadakan di Taman Bahau.

ADUN Jeram Padang, Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir berkata, ini kali pertama Jualan Rahmah diadakan di Taman Bahau.

"Hasil dari cadangan kepimpinan penduduk Kampung Taman Jaya, Taman Desa Puteri, Taman Bahau dan Taman Kaseh Putera yang bersungguh-sungguh agar diadakan program ini, maka saya telah bersetuju.

"Syukur Alhamdulillah, Program Jualan Rahmah ini telah mendapat sambutan yang luar biasa.

"Pelbagai barang keperluan dijual seperti ayam, beras, minyak masak, sardin, ikan siakap, daging kambing, bawang, ubi kentang, Milo, kopi, teh, sabun cuci pakaian, lampin pakai buang dan susu.

"Ramai penduduk sekitar yang hadir dan semoga program ini dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat DUN Jeram Padang," ujar Mohd Zaidy.

Arul tinjau jalan lama Mantin - Seremban



ADUN Nilai, J.Arul Kumar telah turun padang bagi meninjau melihat tahap keselamatan pengguna jalan tersebut.

Arul Kumar berkata, terdapat sebahagian jalan belum dipasang lampu jalan.

"Walaupun begitu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menjalankan kerja-kerja pemasangan tiang lampu jalan terutamanya kawasan kerap berlaku kemalangan.

"JKR juga akan memasang 'guardrail'

di beberapa kawasan sebelah jalan yang sangat cerun dan sering menyebabkan kenderaan terbabas untuk mengelakkan kereta masuk ke dalam gaung.

"Selain itu juga, JKR dalam proses permohonan peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk menaiktaraf longkang sebelah jalan tersebut untuk mengelakkan air hujan dan batu masuk ke atas jalan," kata Arul Kumar.

Padang SMK Seremban Jaya 2 akan dinaik taraf



ADUN Seremban Jaya, P.Gunasekaran telah melawat dan meninjau sendiri keadaan padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban Jaya 2.

"Saya mendapati permukaan padang ini rosak yang boleh mewujudkan keadaan yang tidak selamat kepada murid-murid sekolah tersebut.

"Justeru itu, kerja-kerja menaik taraf padang sekolah tersebut akan dilaksanakan di bawah peruntukan DUN Seremban Jaya.

"Kualiti padang sekolah adalah sangat penting kerana ia memberi kesan kepa-

da prestasi pelajar sekolah yang terlibat dalam pertandingan sukan.

"Keadaan padang yang tidak selamat juga boleh menyebabkan kecederaan terutamanya 'sports injury' dan sebab itu kerosakan padang ini harus dibaiki segera," jelas Gunasekaran.

Turut hadir, Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Jamilah Said Ali; Pengetua SMK Seremban Jaya 2, Muhammad Mohd Nor; Penolong Kanan Pentadbiran dan Akademik, Roslan Aziz dan Pembantu Ahli Majlis Bandaraya Seremban, P.Minnal.

Liga Sukan Komuniti Kuala Pilah bina semangat kesukanan



Ahli Parlimen Kuala Pilah, Dato' Adnan Abu Hassan telah hadir menyaksikan perlawanan akhir antara pasukan Kampung Batang Pilah dan Kampung Gachong dalam Liga Sukan Komuniti Peringkat Daerah Kuala Pilah Tahun 2024 bagi sukan sepak takraw di Dewan Sekolah Menengah Kebang-

saan Senaling.

"Diharapkan dengan penganjuran liga ini, kita dapat memupuk semangat kesukanan dan ukhuwah bersama.

"Terima kasih kepada Persatuan Sepak Takraw Kuala Pilah kerana berjaya menganjurkan liga ini," kata Adnan.

Mohd Razi seru masyarakat peka dengan kes penderaan kanak-kanak



ADUN Sungai Lui, Dato' Mohd Razi Mohd Ali telah menyempurnakan Perasmian Penutup Bagi Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak Peringkat Daerah Jempol di Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Lui Barat.

"Program ini boleh dijadikan platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, PIBG dan komuniti setempat untuk berperanan

mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

"Saya menyeru kepada semua komuniti setempat agar memanfaatkan Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-2615999 apabila berlakunya kes-kes penderaan yang melibatkan anggota masyarakat khususnya kanak-kanak untuk mendapatkan pertolongan dan bantuan segera," ulas Mohd Razi.

Erti Sebuah Kemerdekaan

Oleh : A Samad Said

Kita sudah sampai di lereng amat indah, di bawah pelangi,
dalam ufuk yang masih mencabar;
Dan kita ikhlas berjanji untuk bermaruah,
tenang dalam segala uji cabar dan debar.
Kita mencari hanya yang tulen dan jati, sekata hidup,
mengerti dan berbudi.

Kita wajar mendaki lagi kerana puncak yang jauh.
Dalam gelora dan taufan tak tercalar tekad kita kerana kemerdekaan
Mengasuh kita bersuara dalam sopan,
yakin menyanggah musuh, tulus menambah kawan,
Inti tonggak dan menara kebahagiaan.

Kita datang bersama anak-anak yang sedia
menyanyi – sihat, teguh, bertekad dan berani.
Mengelilingi tasik, mendaki gunung, kita
Mendengar jerih perih bercerita jiwa besar dan berbakti.

Tanah air akan indah, megah dan bermaruah
Jika kita sentiasa mensyukuri anugerah Allah;
Dan bumi akan subur, makmur dan mewah
Jika kita bekerjasama dan berikrar hidup bersama.

Tanah air memberi banyak, mesra mendapak kita;
Kemerdekaan mendorong kita berdiri dan berbakti.
Dan kita sudah sampai di lereng indah, pasti
Tetap mendaki juga, menyanggah musuh,
menambah kawan tanpa jenak, khuatir, juga tanpa rawan.

Dan dalam alaf baru semangat kita wajar padu,
Berjalan kita atas nama 'tanah air dan bangsa' –
Bangga kerana merdeka, megah kerana bahagia.

Anak-anak kita bakal datang tangkas dan berilmu;
Dan kita, dalam sejarah, bakal syahdu dan bangga,
Kerana awan yang indah, lapis pelangi lebih mesra,
Wajar diri dan inti peribadi kita tunjang bagi
Kehidupan dan kemerdekaan bangsa yang sentiasa
Sedia belajar mengerti dan tekun hidup bersama.





Selamat Menyambut
HARI KEMERDEKAAN

31 OGOS 2024 KE -



Empat kilang haram diserbu dan disita

SEREMBAN: Empat buah kilang beroperasi secara haram sejak empat tahun lalu telah diserbu dan disita.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kilang tersebut diserbu setelah satu operasi Ops Toksik yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Badan Kawal Selia Air (BKSA), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kilang tersebut diserbu setelah mendapat beberapa maklumat daripada hasil risikan yang dijalankan.

"Hasil serbuan mendapati dua premis tidak bernama dan dua premis milik New Point Manufacturing Sdn Bhd menjalankan aktiviti peleburan sisa bertoksik tanpa kelulusan JAS.

"Aktiviti peleburan tersebut mampu memberi kesan terhadap alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat.

"Kesemua premis ini juga terletak kira-kira 50 meter daripada Sungai Linggi dan 400 meter daripada Empangan Sungai Terip.

"Oleh itu, ia mampu mengundang bahaya lebih-lebih lagi apabila hujan, ini kerana sisa takungan toksik ini akan mengalir ke dalam

Sungai Linggi dan mengundang ancaman kesihatan kepada penduduk Port Dickson.

"Operasi yang dijalankan ini dilihat berjaya dengan tangkapan terhadap pengusaha premis dan penyitaan menyeluruh di kawasan premis.

"Kertas siasatan berasingan terhadap kesemua kesalahan akan dibuka oleh agensi yang berkaitan.

"Saya juga telah mengarahkan supaya SAINS dan TNB untuk memotong segala bekalan elektrik dan air," kata Aminuddin.



Lagi premis diserbu Aminuddin

RANTAU: Sebuah lagi premis telah diserbu oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, premis tersebut diserbu kerana menjalankan kegiatan pembakaran terbuka dan peleraian barang lusuh terjadul berhampiran Batu 7, Jalan Rantau-Sungai Gadut.

"Premis ini dipercayai menjalankan kegiatan pembakaran terbuka, pembelian dan peleraian barangan terjadul serta barang lusuh yang tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP).

"Hasil pemeriksaan mendapati premis kelulusan bagi perniagaan barang lusuh.

"Kegiatan premis menghasilkan buangan terjadul tanpa mematuhi prosedur berpotensi mendatangkan kesan kesihatan kepada manusia dan alam sekitar.

"Pelupusan bateri dan sisa plastik yang tidak terkawal juga akan memberi

kesan terutama air yang turun ke longkang akan mengalir ke Sungai Simin yang berhampiran dan menyebabkan kualiti air tercemar.

"Sampel barang terjadul dan sampel tanah telah diambil untuk siasatan lanjut.

"Hasil serbuan tersebut juga mendapati lapan orang pekerja warga asing ditahan dan dua daripada didapati tinggal lebih masa dan seorang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

"Di peringkat Kerajaan Negeri, kami akan menggerakkan setiap agensi penguatkuasa untuk melakukan operasi dengan lebih kerap bagi memastikan setiap kilang yang beroperasi di Negeri Sembilan tidak bertindak sesuka hati hingga menyebabkan kesan jangka panjang kepada penduduk setempat dan alam sekitar," kata Aminuddin.



Kilang haram diserbu, 200 tan sisa elektronik disita

SEREMBAN: Sebuah kilang haram yang menjalankan aktiviti perlembagaan bahan sisa buangan elektronik (e-waste) diserbu dalam operasi bersepadu melibatkan beberapa agensi di Jalan Kuala Sawah, Kampung Puchong di sini.



Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, YB Veerapan Superamiam berkata, sebanyak 200 tan sisa buangan elektronik telah disita untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Kegiatan ini dipercayai didalangi oleh warga China manakala pekerjaannya adalah terdiri daripada warga Myanmar.

"Bahan-bahan buangan ini juga dipercayai

dibawa masuk ke negara ini dari Amerika Syarikat dan China melalui pelabuhan Klang yang diisytihar secara salah.

"Aktiviti kilang haram ini memberi kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat, selain kedudukan kilang hampir 100 meter dari Sungai Linggi," ujar Veerapan.

Menurut Veerapan, operasi bersepadu ini melibatkan 71 individu terdiri daripada pasukan

polis Ibu Pejabat Polis Kontigen (IPK) Negeri Sembilan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Perhilitan dan Majlis Bandaraya Seremban (MBS).

"Pemeriksaan mendapati sembilan kesalahan telah dilakukan di bawah bidangkuasa tujuh agensi.

"Antaranya Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 - Operasi perlembagaan sisa elektronik tanpa lesen dan Seksyen 34 a kerana gagal kemukakan laporan Environment Impact Assesment (EIA) bagi aktiviti perlembagaan e-waste.

"Seksyen 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred - menjalankan perniagaan tanpa lesen PBT serta Seksyen 112(1BA) Akta

Cukai Pendapatan 1967 (LHDN) atas kesalahan kegagalan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan.

"Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 atas kesalahan tidak memiliki dokumen perjalanan sah membabitkan lima warga asing Myanmar dan dua Bangladesh," jelas Veerapan.



Jawatankuasa khas bakal ditubuhkan, selidik kilang haram

SEREMBAN: Sebuah jawatankuasa khas bakal ditubuhkan untuk melakukan kaji selidik ke atas kilang haram di negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, jawatankuasa tersebut juga akan memastikan terdapat tindakan susulan yang boleh dilakukan kepada pemilik kilang haram.

"Selepas berbincang bersama ADUN yang lain, mereka juga bersetuju pemilik kilang haram ini diambil tindakan tegas.

"Oleh itu, saya meminta supaya pemilik kilang tampil ke pihak berkuasa untuk mereka memutihkan semula operasi mereka mengikut piawaian yang ditetapkan.

"Tetapi sekiranya mereka tidak juga melakukan pemutihan seperti yang diminta, kita akan mengambil tindakan tegas ke atas pemilik kilang," kata Aminuddin.



82 pelajar cemerlang SPM Sikamat terima sumbangan kewangan daripada Aminuddin

SIKAMAT: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun memberi sumbangan kewangan kepada 82 pelajar cemerlang SPM Tahun 2023 dari DUN Sikamat.

Aminuddin berkata, sumbangan kewangan ini diberikan kepada pelajar tersebut, sebagai perangsang semangat untuk mencipta lebih banyak kejayaan dalam pendidikan selepas ini.

Dalam pada itu, Aminuddin turut mengadakan lawatan ke empat buah sekolah menengah di DUN Sikamat bagi

menyantuni pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki Peperiksaan SPM pada tahun ini.

"Saya berkesempatan memberikan sokongan moral dan menyantuni anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2024 di DUN Sikamat di samping menyumbang bantuan beg sekolah kepada bakal calon SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Haji Mohd Redza, SMK Tunku Ampuan Durah, SMK Warisan Puteri dan SMK Pendeta Za'ba.

"Saya ingin menasihatkan anak-anak supaya kekalkan fokus dan mengingati pengorbanan

ibu bapa dan guru-guru dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa.

"Tinggal tiga bulan sahaja untuk Peperiksaan SPM, saya mahu anak-anak buktikan kepada semua bahawa anda boleh mengecapi kecemerlangan dan Insya Allah dengan berkat doa daripada ibu bapa dan guru-guru, anak-anak semua bakal mencipta sejarah dan mencapai kejayaan," kata Aminuddin yang juga ADUN Sikamat.



484 mahasiswa Negeri Sembilan terima insentif Siswazah Cemerlang berjumlah RM2.42 juta

SEREMBAN: Seramai 180 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) menerima Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan (Siri 3 - Tahun 2024), daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, semua pelajar menerima sumbangan wang tunai RM5,000 dengan peruntukan sebanyak RM900,000.

"Siswazah Anak Negeri Sembilan Cemerlang yang telah menerima insentif ini bagi tahun 2024; secara keseluruhan adalah seramai 484 orang dengan peruntukan yang telah disediakan oleh Yayasan Negeri Sembilan (YNS) berjumlah RM2.42 juta.

"Ini membuktikan Negeri Sembilan mempunyai generasi cerdik pandai yang seharusnya menjadi penyambung bagi pembangunan negeri ini pada masa akan datang.

"Harapan saya, agar pengiktirafan dan penghargaan ini, dapat melonjakkan motivasi anda semua untuk terus berjaya di lapangan yang lebih tinggi, seterusnya menjadi role model dan mentor terbaik kepada masyarakat khususnya adik-adik di bawah yang sangat dahagakan teladan kejayaan yang hampir dengan mereka," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Yayasan Negeri Sembilan (Siri 3-Tahun 2024) di Royale Chulan, Seremban.

Sementara itu, Aminuddin juga berharap pelajar yang menerima anugerah ini membantu berkongsi dan menyebarkan maklumat penting tentang insentif bantuan pendidikan Kerajaan Negeri Sembilan seperti bantuan sara hidup, komputer riba percuma dan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama yang dikelolakan oleh YNS.

"Kongsi dan sebarkan kepada seramai mungkin anak-anak Negeri Sembilan di luar sana melalui platform media sosial agar lebih ramai yang akan menyedari inisiatif bantuan seumpama ini dan mendapat manfaat daripadanya bagi menggapai impian.

"Bagi yang berhasrat menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan

PhD pula, YNS telah menyediakan peluang bantuan pinjaman pendidikan untuk pengajian Master dan PhD sekaligus mendokong agenda pembelajaran sepanjang hayat.

"Saya sangat menggalakkan anda semua menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi agar kepakaran dan pengkhususan anda kelak boleh diguna pakai untuk kebaikan negeri dan negara.

"Apabila ramai yang menyambung pengajian ke peringkat tertinggi maka lebih ramai graduan-graduan ilmu dihasilkan sekaligus menjadikan Negeri Sembilan sebagai lembah ilmu dan ilmuwan," ujar Aminuddin lagi.



Aminuddin sumbang RM50,000 kepada 142 pelajar cemerlang SPM Port Dickson

PORT DICKSON: Seramai 142 pelajar cemerlang SPM Tahun 2023 menerima sumbangan insentif kewangan daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, 142 pelajar ini dari 12 sekolah menengah di Port Dickson yang mencatatkan keputusan cemerlang dalam Peperiksaan SPM pada tahun lepas.

"Insentif kewangan ini diberikan mengikut jumlah gred A yang dicatatkan (minimum 6A) oleh setiap pelajar dan secara keseluruhan seramai 142 pelajar ini menerima sumbangan sebanyak RM50,000.

"Adalah diharapkan sumbangan kewangan ini akan menyuntik semangat pelajar untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di institut pengajian tinggi nanti," kata Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson.

Sementara itu, Aminuddin juga menyerahkan Sumbangan Kewangan Pemangkin Kecemerlangan SPM 2024 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Yam Tuan Raden, SMK Tanah Merah Site C, SMKA Chuah, SMK Raja Jumaat, Sekolah Menengah Chung Hua Port Dickson, SMK Tinggi Port Dickson dan SMK Datuk Haji Abdul Samad, Port Dickson.



Peranan alumni penting, bantu pelajar sekolah

SEREMBAN: Peranan alumni dalam membantu pihak sekolah khususnya dalam aspek akademik pelajar adalah penting.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata demikian dalam ucapan perasmian Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Hari Q, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) KGV 2024 di Dewan MAINS.

"Tidak dinafikan, alumni dari KGV hebat dan ramai golongan professional seperti peguam, pakar perubatan dan jurutera



merupakan bekas pelajar KGV.

"Alumni juga mempunyai peranan dalam membantu warga KGV dengan menyalurkan sumbangan dana.

"Jangan lupa tempat kita bermula. Datang semula ke sekolah dan bantu pihak sekolah," kata Aminuddin.

Sementara itu, Aminuddin

turut memberi sumbangan kewangan kepada SMK KGV bagi memastikan warga KGV mengekalkan kecemerlangan akademik pelajarinya.

"Saya berharap sumbangan ini dapat menyuntik semangat buat anak-anak untuk meneruskan kecemerlangan dan pihak sekolah mampu menyediakan ruang pembelajaran yang selesa dan kondusif," ujar Aminuddin.

45 calon STPM Negeri Sembilan 2023 dapat 4.00 'flats'

SEREMBAN: Keputusan calon STPM di Negeri Sembilan bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan apabila seramai 45 calon telah memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.00 berbanding 43 orang pada tahun 2022.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, mereka ini terdiri daripada 42 calon (Sains Sosial), satu calon (Sains) dan dua calon (Agama dan Tahfiz).

"Kolej Tingkatan 6 Tuanku Muhriz masih lagi mengekalkan pencapaiannya dalam menghasilkan jumlah calon cemerlang PNGK 4.00 yang paling ramai iaitu 13 pelajar, diikuti oleh SMK Mantin (enam pelajar), dan SMK Tuanku Muhammad juga (enam pelajar).

"Di sini jelas terbukti, kita sekali lagi telah berjaya meningkatkan kuantiti dan kualiti calon cemerlang 4.00 bagi Negeri Sembilan.

"Tahniah dan syabas kepada semua calon STPM 2023, para pendidik, ibu bapa, serta mereka yang sentiasa membantu secara langsung atau tidak langsung demi kejayaan anak-anak di Negeri Sembilan," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian kepada Negeri Kita di Majlis Pengumuman Keputusan STPM 2023 Peringkat Negeri Sembilan di SMK Mantin.

Kesemua 45 pelajar ini turut menerima sumbangan kewangan RM1,000 setiap seorang daripada Aminuddin di atas pencapaian cemerlang mereka.

Data dan angka tidak bohong: Anwar

PUTRAJAYA: Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan hutang negara.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, beberapa hari lalu, tersebar dakwaan tidak berasas kononnya Kerajaan tidak mendedahkan fakta sebenar ekonomi dan memungkiri janji terkait usaha menurunkan hutang negara.

"Realitinya, data dan angka tidak membohong.

"Dua aspek utama pengurusan fiskal negara sedang giat diuruskan oleh Kerajaan MADANI yang menghasilkan impak yang positif; langkah mengurangkan hutang negara dan usaha menurunkan defisit fiskal.

"Alhamdulillah, perkembangan yang amat positif," kata Anwar.



Negeri Sembilan bakal laksana 'fast lane', pendekkan tempoh kelulusan pemajuan kawasan perindustrian

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan kini sedang dalam gerak kerja bagi memperincikan dan mempertimbangkan pelaksanaan inisiatif fast lane di Negeri Sembilan.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, inisiatif ini telah diperkenalkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang mana dapat memendekkan tempoh kelulusan pemajuan kawasan perindustrian terancang dari peringkat proses kelulusan kerja awal di tapak, proses kelulusan pelan, proses sokongan kelulusan CCC dan lesen operasi.

"Ia merupakan satu penambahbaikan tadbir urus yang boleh dilaksanakan di Negeri Sembilan.

"Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan mendapat kerjasama daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

dalam penyediaan pelan perancangan inisiatif ini.

"Cadangan awal bagi pelaksanaan inisiatif fast lane di Negeri Sembilan adalah di peringkat proses pemajuan kawasan perindustrian di Daerah Seremban melibatkan Majlis Bandaraya Seremban," kata Aminuddin.

Sementara itu, Aminuddin berkata, terdapat satu inisiatif di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) iaitu Akademi dalam Industri (Ail) yang mana merupakan program kolaborasi inovatif di antara industri, akademia dan agensi kerajaan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan negara, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing berkemahiran rendah dan mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dalam industri.

"Pemantauan inisiatif ini

Aminuddin lancar Lexis Hibiscus 2 bernilai RM1.6 bilion di Port Dickson



PORT DICKSON: Projek resort bertaraf lima bintang di atas laut, Lexis Hibiscus 2 bernilai RM1.6 bilion di Port Dickson, dilancarkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, projek yang berkeluasan 32.37 hektar (80 ekar) itu dijangka siap pada pertengahan 2029 dengan kerjasama strategik KL Metro Group dan Menteri Besar Negeri Sembilan-Pemerbadanan (MBINS).

"Lexis Hibiscus 2 bakal menawarkan 5,000 peluang pekerjaan apabila siap nanti dan dijangka menarik RM1.1 juta pelancong setiap tahun.

"Apa yang menarik KL Metro Group sangat peka dengan golongan nelayan yang terkesan sepanjang

tempoh pembinaan Lexis Hibiscus 2 ini.

"Nelayan yang terjejas sedang menerima pampasan RM1,000 sebulan sejak Jun lalu sehingga projek ini siap dibina.

"Selain itu, pihak KL Metro Group turut akan memberi keutamaan kepada anak-anak keluarga nelayan untuk mendapat peluang pekerjaan di Lexis Hibiscus 2 nanti," kata Aminuddin di Majlis Upacara Pecah Tanah Projek Lexis Hibiscus 2, Port Dickson.

Lexis Hibiscus 2 akan dibina dengan seni reka bermotifkan Bunga Kebangsaan Malaysia (Bunga Raya), simbolik ini dijadikan resort (Lexis Hibiscus) sebagai tarikan yang unik sehingga mendapat permintaan

tinggi bagi penginapan kelas atas daripada pelancong domestik mahupun luar negara.

Lexis Hibiscus 2 akan menampilkan 1,710 unit termasuk 910 rumah atas laut dan 800 suite kolam mandi (private pool) bertingkat.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, Lexis Hibiscus Port Dickson yang sudah lama beroperasi mempunyai kadar penghunian (occupancy rate) 70 peratus setiap hari.

KL Metro Group mempunyai rangkaian hotel Lexis Port Dickson, Grand Lexis Port Dickson, Lexis Hibiscus Port Dickson, Lexis Suites Penang dan Imperial Lexis Kuala Lumpur yang telah menarik 9.6 juta pelancong dari lebih 186 negara sejak tahun 2006.



dilaksanakan oleh pemegang taruh (kementerian, agensi, industri dan akademia) melalui pelbagai platform seperti Majlis Produktiviti Negara, PEMUDAH dan lain-lain.

"Kerajaan Negeri juga turut menjalinkan hubungan baik dengan pihak Dewan

Perniagaan Antarabangsa seperti Jepun, China, New Zealand dan pihak Kedutaan Antarabangsa.

"Inisiatif ini diambil sebagai salah satu usaha untuk mendekati para pelabur antarabangsa serta platform terbaik dalam mempromosikan

peluang pelaburan di Negeri Sembilan.

"Melalui hubungan baik ini juga beberapa siri misi galakan pelaburan telah diadakan dengan kerjasama dewan perniagaan seperti ke China, Jepun dan New Zealand," jelas Aminuddin.



MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN
Presiden Benevolent

Kepemudaan dan gelora cinta dalam kemerdekaan nusantara

BAHAGIAN 1

PRAKALAM

Kepemudaan adalah satu cabang daripada kegilaan

Makalah ini dimulai dengan memajukan premis di atas. Sebatas pembacaan penulis, perkataan ini dinisbahkan kepada peribahasa/pepatah Arab. Isinya cerdas dan bernas.

Ada dua yang mendorong penulis untuk menoktahkan karangan ini pada tintanya yang terakhir di hujung nanti. Iaitu cinta dan tanah air.

Manakala pemuda dan kepemudaan pula sebagai jodoh sandingannya. Dua ini juga yang kita saksikan di serata belahan dunia yang mendorong seseorang tampil merekayasa karya mereka.

Sepotong kata-kata yang penulis pernah karangi ditampilkan sebagai renungan;

"Cintailah cinta. Ia lebih tinggi daripada cita-cita. Tanpa cinta, tiada kemahuan keras untuk seseorang membela dan mempertahankan cita-cita.

"Tiada penyerahan, ketundukan dan kepatuhan untuk mengabdikan dan menuruti suruh larangan Maha Pencinta.

"Tiada perajurit yang sanggup bersabung nyawa membentengi kedaulatan tanah air.

"Tiada para pejuang hadapan yang berani menjadi kubu melindungi kesejahteraan semua.

"Seorang pengkarya menghalus-halus hasil kerjanya itu oleh dorongan cinta.

"Seorang pendidik berdiri di hadapan mengadabkan pelajarannya hanya kerana cinta.

"Seseorang keluar berpagian sampai meninggi malam mengintip rezeki tidaklah lain kerana cinta.

"Tiada perjuangan yang tumbuh tanpa dorongannya. Tiada kemahuan yang teguh berdiri tanpa sandarannya.

"Tiada hadiah dapat dipersembahkan jadi tanda mata kenang-kenangan oleh tiada cinta yang menggubahkannya".

Sempena bulan kemerdekaan ini kita harus kembali hayati potongan babak-babak yang menggelegakkan gelora cinta para pemuda untuk melihat Nusantara-nya berhasil dimerdekakan.

Jawiraya sebagai Medan

Kesedaran bahawa Alam Melayu atau Nusantara atau apa sahaja istilah yang dinamai merujuk wilayah geografi yang menganjur di Tenggara Benua Asia ini telah berakar dalam kesedaran mental warganya jauh sebelum wilayahnya dipetak-petak oleh kolonial.

Ketika penjelajahan bermula daripada pusat ketamadunan dunia di Timur Tengah, India dan Eropah untuk menemui dunia Timur, rantau ini telahpun mempunyai kebudayaan.

Apabila para penjelajah ini bersinggah, mereka pulang dengan membawa laporan-laporan dan catatan mengenai wilayah ini.

Bertolak daripada itu, pelbagai penamaan daripada sudut geografi, ras dan bahasa telah diungkapkan untuk mengidentifikasi daerah yang masih dianggap asing ini.

Daripada catatan India, bumi ini pernah digelar 'Semenanjung Emas', manakala catatan pengembara Arab pula menamakan penduduk di bumi ini sebagai 'Jawi'.

Catatan yang lebih jauh pula membuktikan bahawa bangsa Yunani telah menggelar daerah ini sebagai Kolandia atau Kolan yang pernah dirujuk sebagai 'kolek' yang bermaksud sampan oleh para peneliti.

Begitu banyaknya lagi catatan yang mengarah atau merujuk kepada rantau Alam Melayu ini demi mencapai suatu maksud yakni, merungkaikan rahsia penemuan dunia yang masih belum banyak diketahui dan berhubung dengan segitiga peradaban besar lainnya.

Terbitnya istilah Nusantara, Alam Melayu, Pascabima, Kepulauan Melayu (Malay Archipelego), Malayonesia dan beberapa yang lainnya adalah lanjutan daripada percubaan daripada zaman kuno, klasik, pra-modern dan modern untuk memadamkan nama yang paling sesuai bagi menggambarkan kebersatuan budaya dan topografi wilayah ini daripada sudut ras, geografi dan linguistik.

Idea penyatuan subjek kawasan yang bertebaran di seluruh rantau Austronesia – Polinesia ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah korpus kajian ketamadunan yang bertunjangkan ciri sepunya tertentu.

Di garis perpolitikan juga tidak terkecuali. Indonesia Raya, Melayu Raya dan terakhir kalinya Maphilindo dilihat terus gagal mempersatukan wilayah ini di bawah satu jenama.

Nampaknya di antara kebanyakan istilah ini, penulis cuba mengajukan istilah Jawiraya sebagai membawa maksud yang sama dengan beberapa definisi khas berdasarkan ciri fizikal dan spiritual.

Penggunaan nama jawi itu pun sudah mapan dan tekal, menjadi rujukan daripada lensa dunia Arab atau dunia Islam yang mesra dengan penganut agama di wilayah ini.

Seperti mereka menamai diri mereka sendiri. Manakala, 'raya' merujuk kepada makna 'besar'.

Jawiraya itu jelas dapat difahami sebagai wilayah besar yang ditumpangi oleh warganya yang beragam ciri etnik, namun menyatu secara budaya, bahasa dan dominasi agama.

(akan bersambung pada Edisi 7)



Khutbah Jumaat

KUKUHKAN AQIDAH, HINDARI AJARAN SALAH

TARIKH: 9 OGOS 2024 SUMBER: JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (JHEAINS)

Aqidah merupakan perkara penting yang menjadi asas agama kita.

Hanya dengan aqidah yang benar kita mampu memahami kewujudan Allah Yang Maha Pencipta serta sifat yang layak bagi-Nya.

Jika kita sudah mengetahui rukun Islam, kita semestinya mengetahui rukun iman yang terdiri daripada beriman kepada Allah Azzawajalla, rasul, malaikat, kitab Zabur, Injil, Taurat dan al-Quran, hari akhirat serta qadqad dan qadar.

Iman bukan sekadar tasdik atau membenarkan dengan hati tetapi iman hendaklah disertakan dengan amalan.

Kita berasa sedih kerana mutakhir ini masih ada umat Islam yang tidak mengambil berat soal aqidah.

Bukan sekadar itu, ada juga yang mulai meragui keesaan Allah sebagai Tuhan yang layak disembah, yang menguasai alam semesta serta mengatur sistem di langit dan di bumi.

Orang yang meragui kekuasaan Allah Azzawajalla mempercayai teori sains belum dapat dipastikan kesahihannya yang kadang-kadang lebih mengutamakan akal berbanding dalil yang benar.

Islam tidak menolak kebijaksanaan akal tetapi akal hendaklah mematuhi dalil dan nas yang diturunkan oleh Allah Azzawajalla menerusi Rasulullah SAW.

Apakah yang akan terjadi jika umat Islam sering mengutamakan logik akal berbanding wahyu?

Sudah tentu agama kita yang suci ini akan rosak dan dirosakkan oleh ajaran yang menyeleweng.

Islam ialah satu-satunya agama yang boleh dianuti oleh seluruh manusia.

Firman Allah Azzawajalla dalam Surah al-An'am ayat 153 yang bermaksud :

"Sesungguhnya inilah jalan-Ku, yakni agama Islam yang betul lagi lurus. Oleh tu, hendaklah kamu mengikutinya dan jangan sesekali mengikut jalan yang lain, iaitu selain Islam kerana hal yang demikian menyebabkan kamu berpecah dan terpesong dari jalan Allah SWT. Demikianlah Allah mengingatkan kamu supaya kamu bertaqwa."

Baru-baru ini kita dikejutkan oleh berita penangkapan tiga orang daripada satu keluarga yang disyaki mengamalkan ajaran Millah Abraham.

Penangkapan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) ini menyedihkan kita kerana kejadian tersebut berlaku di negeri kita yang sering menekankan kepentingan mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran Millah Abraham? Ajaran ini mendakwa adanya rasul selepas nabi akhir zaman Muhammad SAW, menuduh orang yang tidak mengikut ajaran Millah Abraham sebagai melakukan syirik, memesongkan maksud hari akhirat, menggabungkan Islam, Kristian dan Yahudi untuk membentuk ajaran yang baharu, mengingkari kewajipan solat lima waktu, solat Jumaat, membuat tafsiran terhadap kandungan al-Quran serta sanggup memutuskan hubungan kekeluargaan disebabkan sikap taasub yang melampau.

Mengapakah segelintir umat Islam boleh terpengaruh dengan ajaran yang menyeleweng? Antara faktornya termasuklah ingin mencapai tahap atau maqam tertentu dalam agama menerusi jalan pintas, kekurangan ilmu, kesilapan dalam berguru, tidak cermat dalam menapis maklumat serta menjauhkan diri daripada majlis

ilmu yang menampilkan guru-guru agama yang menerima tauliah daripada pihak berkuasa.

Hakikatnya, Nabi SAW telah mengingatkan kita tentang perpecahan yang berlaku dalam umat ini.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Abdullah bin 'Amr radiallahuanhuma, baginda bersabda yang bermaksud: "Umatku terbahagi kepada 73 golongan kumpulan dan semuanya akan dimasukkan ke dalam neraka melainkan satu kumpulan sahaja. Sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah SAW, siapakah mereka?" Nabi SAW menjawab: "Manhaj atau ajaran yang aku berada di atasnya dan juga sahabat-sahabatku."

Menurut fatwa yang telah diwartakan pada 1 Oktober tahun 2020 oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, ajaran Millah Abraham menyeleweng daripada ajaran Islam.

Mana-mana individu atau pihak hendaklah menjauhi ajaran ini. Jika disabitkan kesalahan, boleh didakwa di bawah seksyen 53 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 iaitu berkaitan dengan ajaran yang meragukan serta boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sebenarnya pandangan, peringatan, fatwa dan hukuman bagi pengikut ajaran sesat telah dijelaskan.

Akan tetapi, disebabkan sikap masyarakat yang kurang mengambil tahu soal agama menyebabkan ajaran yang menyeleweng masih berlaku di negeri kita. Kita tidak mahu terjadi seperti "sudah terhantuk baru menengadahkan".

Oleh yang demikian, kita mesti mengambil langkah mencegah sebelum parah.



Antara langkah yang boleh kita ambil bagi memastikan aidah kita terus mantap dan kita terhindar daripada ajaran yang menyeleweng termasuklah:

Pertama: Sering bertanya dan merujuk pihak berkuasa agama di negeri kita seperti Jabatan Mufti dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebelum menerima apa-apa ajaran baharu yang tidak diamalkan dalam masyarakat di negeri kita.

Kedua: Menghadiri majlis ilmu yang disampaikan oleh ilmuwan dan asatizah yang mendapat tauliah daripada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.

Ketiga: Mengingatkan ahli keluarga supaya berwaspada terhadap maklumat yang disebarkan menerusi media sosial khususnya yang menyentuh soal aqidah.

Keempat: Menjadikan masjid sebagai pusat keilmuan dan bukannya pusat pengamalan persendirian yang berkemungkinan menjadi pusat penyebaran ajaran yang menyeleweng sekiranya tidak dipantau oleh pihak berkuasa.

Kelima: Mengikuti amalan tarekat yang mendapat kelulusan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.asf

Muhd Asri dilantik Pengarah JHEAINS yang baru



SEREMBAN: Muhd Asri Abdullah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS) yang baru.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Asri yang merupakan lulusan Sarjana Pengajian Islam di Birmingham University (United Kingdom) pada 2011.

"Beliau kemudian menyertai Perkhidmatan Awam pada 1999 sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di JAKIM.

"Saya yakin dengan pengalaman sedia ada beliau, syiar Islam dan undang-undang berkaitan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri ini akan terus diperkukuhkan," kata Aminuddin.

Mantan Mufti Negeri Sembilan meninggal dunia



SEREMBAN: Mantan Mufti Negeri Sembilan, Sahibus Sa'adah Dato' Mohd Yusof Ahmad telah meninggal dunia di kediamannya pada 13 Ogos lalu.

Difahamkan, Allahyarham menghembuskan nafas terakhirnya pada jam 7.43 malam.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. "Terima kasih di atas segala sumbangan dan bakti sepanjang berkhidmat sebagai Mufti Negeri Sembilan dan pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd Said.

"Semoga roh Allahyarham diampuni dosanya dan diletakkan dalam kalangan orang beriman," kata Aminuddin.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di tanah perkuburan Makam Haji Said, Seremban.

Turut mencemar duli, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

**RUANG
IKLAN
UNTUK
DISEWA**

**HUBUNGI
0105392654**



Peraduan Pantun Merdeka anjuran Saji dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka

Ayuh sertai Peraduan Pantun Merdeka anjuran SAJI dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) yang mengangkat tema "Bersatu Bahasa dengan Hidangan".

Anda berpeluang untuk mendapat bekalan minyak masak SAJI selama SETAHUN dan majalah terbitan DBP.

Nantikan hantaran seterusnya di media sosial SAJI dan DBP untuk maklumat lanjut berkaitan peraduan ini.

Tarikh tutup peraduan ini adalah pada 8 September 2024.

Pertama dan Terakhir

Oleh : A Samad Said

Jauh kita berjalan mendukung semua kepercayaan pertama dan terakhir sekarang kita sampai ke puncak tiada tercapai keazaman pantang cair

Kita bersua hati mengisi setiap janji pertama dan terakhir tiada hari kiranya hingga bernanah dada sumpah tiada termungkir

Gemuruh kita bersorak bumi dan langit retak pertama dan terakhir berani kita bergerak darah dan daging serentak hingga ke saat akhir

Padu kita berhasrat hingga bumi kiamat pertama dan terakhir kuat jantung berdetak untuk berpaling tidak biar di gelegak air

Rela kita mengangkat cita bangsa berdaulat ke puncak murni berukir!

UJANG & INDUK


Erti KEMERDEKAAN—

Kemerdekaan ini adalah usaha tanpa menyerah para pahlawan.

Kemerdekaan ini keringat yang setia hingga peluru menembusi dada.

Kemerdekaan ini adalah kelah setiap nafas bangsa.

Kemerdekaan ini adalah darah yang merah KEMERDEKAAN!



magat @negerikita

Negeri Sembilan rancang promosi 'Medical Tourism'

SEREMBAN: Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak Medical Healthcare Travel Council (MHTC) dalam perancangan mempromosikan 'Medical Tourism' di Negeri Sembilan.

Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berkata, pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mengambil inisiatif bagi menubuhkan Pasukan Pelaksana Pelancongan Kesihatan (PPPK) Negeri Sembilan yang terdiri daripada agensi Kerajaan Negeri termasuk agensi Persekutuan.

"Pasukan pelaksana ini seterusnya akan berperanan dalam merangka gerak kerja yang holistik, membangunkan pelan tindakan pelancongan kesihatan Negeri Sembilan serta membina jaringan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam membangun dan mempromosikan pelancongan kesihatan di Negeri Sembilan.

"Dalam perancangan mempromosikan 'Medical Tourism' di Negeri Sembilan ini, Kerajaan Negeri dicadangkan untuk menyertai ekspo yang pihak MHTC kelolakan di luar negara terutamanya di Indonesia seperti di Jakarta dan Surabaya.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga dicadangkan untuk mengadakan lawatan kerja atau 'benchmark' ke luar negara untuk jaringan kerjasama dua hala dan seterusnya membangunkan pakej

Medical Tourism Negeri Sembilan dengan keunikan atau identiti yang tersendiri," jelas Tengku Zamrah.



Teroka Daerah Kuala Pilah

Dalam edisi sebelum ini, kita telah meneroka daerah Port Dickson serta Seremban.

Kali ini, saya ingin membawa anda ke tanah beradat di Negeri Sembilan, iaitu Kuala Pilah.

Daerah ini menawarkan pelbagai tempat menarik yang boleh dikunjungi bersama ahli keluarga mahupun rakan-rakan.

Setibanya di Tanah Beradat, pastinya kita ingin melihat seni bina istana lama yang terkenal di sini.

Oleh itu, **Muzium DiRaja Istana Lama Seri Menanti** adalah destinasi yang sesuai untuk dilawati.

Istana ini mempamerkan keunikan seni bina tradisional, dibina tanpa menggunakan paku besi, sebaliknya dengan teknik pasak kayu yang dipanggil sebagai pasak.

Istana ini juga mempunyai empat tingkat, dengan reka bentuk asal oleh dua tukang Melayu bernama Kahar dan Taib.

Sebagai penghargaan atas khidmatnya, Tukang Kahar telah

dianugerahkan gelaran Dato' Panglima Sutan oleh Tuanku Muhammad.

Pelan istana ini kemudian diperincikan semula oleh Ketua Pelukis Pelan, Mr. Woodford dari JKR, Seremban, dan diluluskan pada bulan November 1902 oleh Jurutera Negeri dan Residen British.

Bagi mereka yang gemar mendekati diri dengan alam semula jadi, mendaki **Gunung Angsi** yang terletak di Kuala Pilah adalah pilihan yang tepat.

Gunung Angsi merupakan destinasi popular dalam kalangan pendaki dari pelbagai negeri.

Semasa mendaki, anda juga akan menemui tapak perkhemahan yang sesuai untuk berehat sebelum meneruskan pendakian ke puncak.

Setelah puas menikmati keindahan istana dan mendaki



Kodai Ain, yang sangat terkenal di Perkampungan Budaya Terachi.

Seperti biasa, selepas berjalan-jalan dan makan, perjalanan anda tidak lengkap tanpa menikmati secawan kopi.

Menariknya, di Kuala Pilah terdapat sebuah kedai kopi yang namanya sangat dekat di hati masyarakat tempatan, iaitu Kopilah Kopi.

Di sini, anda boleh menikmati pelbagai jenis kopi yang disediakan.

Kedai ini dimiliki oleh anak jati Kuala Pilah, jadi tidak perlu risau tentang keaslian atau kualiti kopi yang ditawarkan.

Sampai di sini sahaja untuk edisi Teroka Daerah kali ini. Kita berjumpa lagi dalam edisi Negeri Kita yang akan datang.

gunung, perut pastinya mula berasa lapar. Namun, tidak perlu risau kerana di sepanjang perjalanan di Kuala Pilah, anda akan menemui pelbagai kedai makan yang menyajikan hidangan salai dan masakan kampung.

Bauan daging salai yang harum pasti akan memikat hati anda ketika mencari tempat makan.

Jika anda masih keliru, saya mencadangkan anda singgah di

Karnival Wanita MADANI Negeri Sembilan 2024 capai objektif

SEREMBAN: Penganjuran Karnival Wanita Madani Negeri Sembilan 2024 yang berlangsung dengan meriah pada 22 dan 23 Jun lalu telah mencapai objektif utamanya dengan cemerlang.

Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim berkata, acara yang diadakan di Padang Majlis Bandaraya Seremban ini telah memberi peluang kepada usahawan wanita khususnya untuk berniaga serta memperkenalkan produk keluaran

mereka di samping mencatatkan keuntungan dan jualan yang memberangsangkan.

"Dalam karnival ini, pelbagai program dan inisiatif telah dianjurkan, termasuk Jualan Agro Madani, Jualan Rahmah dan Jualan Nismilan Prihatin yang berjaya membantu orang ramai

mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan.

"Kehadiran agensi-agensi kerajaan ini telah memberikan impak positif

kepada komuniti setempat, menjadikan karnival ini satu platform yang efektif untuk

menyokong usahawan tempatan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Karnival ini bukan sahaja menjadi medan untuk memperkukuhkan ekonomi tempatan, tetapi juga menonjolkan semangat kebersamaan dan keprihatinan masyarakat Negeri Sembilan dalam mempromosikan produk tempatan dan memajukan ekonomi negara.

"Kejayaan ini adalah bukti komitmen bersama dalam mencapai pembangunan yang inklusif dan mampan," kata Noorzunita Begum.



Pengunjung mahu Karnival Wanita MADANI Negeri Sembilan diadakan lagi

SEREMBAN: Rata-rata pengunjung wanita yang ditemui semasa Karnival Wanita MADANI Negeri Sembilan 2024 baru-baru ini mahu karnival ini diadakan secara acara tahunan.

"Cuma saya berharap, kalau boleh pada tahun hadapan, dibuka kaunter cukai tanah dan cukai taksiran kerana ramai yang masih tidak tahu atau tidak membayar cukai tersebut.

"Barangan yang dijual murah dari harga biasa.

"Kena buat tahun depan," katanya ringkas.



Mohana SP Muthu, 37, dari Seremban berkata, beliau melihat sambutan untuk penganjuran karnival ini sangat memberangsangkan.

"Pelbagai barang termasuk makanan dijual dengan harga murah.

"Kalau boleh karnival ini dianjurkan setiap tahun.

"Karnival Wanita MADANI boleh dijadikan satu platform untuk mewar-warkan perlunya membayar cukai tanah dan cukai taksiran," kata Mohana.



Nor Zaidah Ahmad, 56, dari Senawang turut menyatakan hasrat beliau agar karnival ini diadakan pada setiap tahun. "Seronok melihat suasana di karnival ini.



Normala Muhammad, 55, dari Bahau berkata, penganjuran karnival ini memberi banyak maklumat kepada pengunjung.

"Bila ada karnival ini, baru dapat tengok pelbagai perkara (informasi) yang berkaitan.

"Seelok-eloknya buat lagi tahun hadapan. Naikkan lagi nama Seremban," kata Normala.



Sementara itu, pemenang pertandingan karaoke, Adik Nor Hasmyza Azmi, 18, dari Bahau juga mahukan karnival wanita ini dianjurkan pada masa akan datang.

"Saya tak sangka menang tempat kedua kerana ramai pesaing yang hebat.

"Saya rasa seronok. Pertandingan dan karnival ini perlu dianjurkan lagi pada masa akan datang," ujar Nor Hasmyza.

127 rakyat Palestin di bawa ke Malaysia untuk rawatan

KUALA LUMPUR:

Seramai 127 rakyat Palestin yang cedera di Gaza berjaya di bawa ke Malaysia untuk menerima rawatan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur.

Misi kemanusiaan yang disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia ini menjadi bukti sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin yang mempertahankan tanah air mereka daripada kekejaman Zionis.

Secara tidak langsung, Malaysia menjadi negara pertama di Asia yang melakukan perkara sedemikian.

Menteri Pertahanan, Mohamed Khaled Nordin berkata, usaha ini adalah

hasil perbincangan yang telah dilakukan oleh Malaysia dan Mesir sejak dua bulan lalu.

"Misi ini dilaksanakan atas pertimbangan kemanusiaan untuk menunjukkan solidariti terhadap nasib yang menimpa rakyat Palestin.

"Mesir turut menasihatkan membina sebuah hospital di Gaza adalah berisiko tinggi, oleh itu kita bawa mereka ke Malaysia untuk dirawat.

"Tambahan pula terdapat antara mereka yang mempunyai sakit kronik yang memerlukan rawatan yang panjang untuk sembuh.

"Setibanya mereka di lapangan terbang, mereka

akan dibawa oleh 26 ambulan ke hospital," kata Khaled.

Tindakan yang dilakukan oleh Malaysia ini boleh dianggap berani kerana tidak banyak negara yang sukarela untuk membantu rakyat Palestin yang berada dalam kesengsaraan.

Walaupun begitu, masih terdapat segelintir pihak yang mempertikai usaha tersebut.



Kapal Filipina langgar kapal China

BEIJING: Sebuah kapal Filipina didakwa sengaja melanggar kapal China secara sengaja dengan tidak mengendahkan amaran yang diberikan berulang kali.

Insiden tersebut turut direkodkan dalam sebuah video pendek yang tular di media sosial baru-baru ini.

Kapal Filipina yang sama,

kemudiannya didapati memasuki perairan berhampiran Terumbu Kedua Thomas selepas daripada memasuki perairan Terumbu Sabina.

Menurut jurucakap Pengawal Pantai China, Gan Yu; kapal Filipina tersebut telah berulang kali melakukan provokasi dan menimbulkan masalah, melanggar peraturan sementara antara China dan Filipina.

Dalam pada itu, jurucakap Pengawal Pantai Filipina tidak mengeluarkan sebarang kenyataan sebagai maklum balas.

Disebabkan insiden terbabit, China memberi amaran kepada negara itu untuk segera menghentikan pencerobohan dan provokasi atau menanggung semua akibatnya.



Lebih sejuta doktor India mogok

MUMBAI: Lebih sejuta doktor di India menyatakan mogok dengan menutup perkhidmatan bukan kecemasan selama 24 jam.

Penutupan tersebut adalah sebagai tanda protes terhadap kejadian rogol dan pembunuhan seorang doktor di bandar timur Kolkata.

Protes itu bermula pada jam 6 pagi waktu tempatan dengan memutuskan akses kepada prosedur perubatan elektif dan

perundingan pesakit luar.

Walaupun begitu, jabatan kecemasan di hospital akan terus beroperasi seperti biasa.

Sebelum ini, seorang doktor pelatih, Moumita Debnath yang berusia 31 tahun telah dirogol beramai-ramai dan dibunuh ketika sedang berehat.



dengan keputusan itu, keluarga mendiang membuat keputusan untuk menyebarkan hal sebenar kepada orang ramai sehingga mendapat perhatian pihak media. Hal ini menjadi tular dan mendapat perhatian seluruh dunia.

Oleh sebab itu, pelbagai jenis protes telah diadakan bagi menuntut keadilan terhadap Dr.Moumita.

Meskipun begitu, pihak polis telah mengklasifikasikan kes ini sebagai bunuh diri. Oleh kerana tidak berpuas hati

Mustapha perkenal konsep 'Bapa Angkat' persatuan sukan di Negeri Sembilan

SEREMBAN: Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Mustapha Nagoor telah memperkenalkan konsep 'Bapa Angkat' untuk semua persatuan sukan di Negeri Sembilan.

Mustapha berkata, beliau telah menjalankan kajian sejak beberapa bulan yang lalu dan mendapati banyak persatuan sukan yang memerlukan sokongan.

"Pertamanya, persatuan sukan memerlukan figura tertentu untuk menjadi motivator dan fasilitator persatuan.

"Keduanya, saya telah berjumpa dengan 30 syarikat besar (industry player) di Negeri Sembilan.

"Saya akan minta jasa baik syarikat-syarikat

ini yang telah berpuluh tahun bertapak di Negeri Sembilan, untuk sama-sama mengambil tanggungjawab membangunkan sukan di Negeri Sembilan," kata Mustapha.

Mustapha berkata, secara dasarnya pemain industri ini bersetuju dengan inisiatif beliau.

"Cuma tinggal lagi saya kena perincikan syarikat mana jaga sukan apa.

"Satu syarikat akan menjadi Agensi Angkat kepada satu sukan.

"Maka Bapa Angkat ini akan menjadi pemudah cara kepada Agensi Angkat," jelas Mustapha.



Tambah beliau, Bapa Angkat akan menjadi pemudahcara di antara persatuan sukan dengan Agensi Angkat (syarikat swasta) dalam pembangunan sukan itu.

"Inisiatif ini bukan sahaja untuk temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak tahun ini tetapi sebenarnya saya lebih fokus kepada SUKMA akan datang yang akan berlangsung dua tahun dari sekarang.

"Bapa Angkat dan Agensi Angkat ini akan disekretariatkan oleh Majlis Sukan Negeri.

"Ini salah satu pendekatan kita membuat persiapan lebih rapi untuk SUKMA akan datang.

"Syarikat-syarikat ini akan menaja untuk pembangunan sukan itu," ujar Mustapha yang juga ADUN Palong.

Berikut senarai penuh Bapa Angkat mengikut sukan:

1. Dato' Seri Jalaluddin Alias Pencak Silat	12. Gunasekaran Palasamy Taekwando	23. Desmond Siau Meow Kong Akuatik
2. Teo Kok Seong Bola Keranjang dan Wushu	13. Choo Ken Hwa E-Sport	24. Suhaimi Aini Tenpin Bowling
3. Noorzunita Begum Mohd Ibrahim Catur	14. Chew Seh Yong Karate-Do	25. Yew Boon Lye Muaythai
4. Dato' Ismail Lasim Softbal	15. Dato' Mohd Razi Mohd Ali Tenis	26. Dato' Mohd Asna Amin Berbasikal
5. Arul Kumar Jambunathan Kabaddi	16. Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid Tinju	27. Suhaimizan Bizar Lawn Bowl
6. Nicole Tan Lee Koon Gimnastik dan Gimrama	17. Ng Chin Tsai Bola Tampar	28. Dato' Mohd Isam Mohd Isa Ragbi
7. Veerapan Superamiam Olahraga	18. Dato' Zaidy Abdul Kadir Bola Sepak	29. Dato' Adnan Abu Hassan Sepak Takraw
8. Dato' Mohd Faizal Ramli Lawan Pedang	19. Yap Yew Weng Badminton	
9. Tengku Zamrah Tengku Sulaiman Skuasy	20. Saiful Yazan Sulaiman Hoki	
10. Dato' Ir. Bakri Sawir Menembak	21. Dr. Rajasekaran Gunnasekaran Silambam	
11. Dato' Zaifulbahri Idris Petanque	22. Muhammad Suffian Maradzi Memanah	

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Menteri Besar kerana memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kontinjen Sukma Negeri Sembilan dan akhirnya membuahkannya hasil yang sangat baik.

Inshaallah kontinjen ini akan kembali dalam Sukma yang akan datang dengan jumlah pingat emas yang lebih baik dari kutipan tahun ini.

SUKMA SARAWAK: Bapa Angkat Sukan terima sumbangan kewangan

SEREMBAN: Sempena Temasya Sukan Malaysia 2024 (SUKMA) yang berlangsung di Sarawak; Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah menyerahkan sumbangan kewangan kepada semua Bapa Angkat Sukan Kontingen Negeri Sembilan.

"Kerajaan Negeri akan berusaha sedaya upaya untuk membantu dan memberikan sokongan serta dorongan yang padu kepada atlet Negeri Sembilan di SUKMA.

"Sumbangan yang disalurkan ini akan diguna pakai sebagai persediaan dan persiapan ketika menghadapi SUKMA 2024.

"Di kesempatan ini juga, saya mendoakan kejayaan Kontinjen Negeri Sem-

bilan untuk membawa pulang seberapa banyak pingat emas dan mengharumkan nama Negeri Sembilan, Insya Allah.

"Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Exco Belia dan Sukan, YB

Mustapha Nagoor di atas idea melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen Kerajaan menjadi Bapa Angkat untuk setiap acara sukan yang dipertandingkan di SUKMA Sarawak," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Kewangan kepada Bapa Angkat Sukan Kontingen Negeri Sembilan di Wisma Negeri.

Dalam pada itu, Mustapha berkata, objektif program Bapa Angkat ini dapat membantu pencapaian cemerlang atlet-atlet Negeri Sembilan dalam SUKMA akan datang sekaligus menaikkan imej Negeri Sembilan.



Hannah mohon maaf, Malaysia gagal menang pingat emas

Bagi pihak kontinjen Malaysia, saya ingin memohon maaf kepada semua rakyat Malaysia kerana kami masih belum berjaya membawa pulang pingat emas yang pertama untuk negara.



Seperti yang diumumkan, Projek Road to Gold (RTG) adalah program untuk dua kitaran Sukan Olimpik iaitu Paris 2024 dan Los Angeles 2028.

Apa yang kita lihat kali ini, terdapat peningkatan dalam atlet-atlet RTG dan saya ingin memaklumkan beberapa pemerhatian.

i) Tiga atlet berjaya memecahkan rekod kebangsaan iaitu Dato' Muhammad Azizulhasni Awang, Nurul Izzah Izzati Mohd Asri dan Aniq Kasdan manakala

Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Syaqiera Mashayikh mencatatkan rekod peribadi terbaik.

ii) Untuk Jawatankuasa RTG kita akan bermesyuarat dan mendapatkan laporan teknikal daripada setiap pasukan berserta akaun yang akan diaudit dan saya akan bentang di Parlimen.

Kita akan menjawab isu mengenai akaun yang digunakan untuk 'top-up' service secara telus.

iii) Semua permintaan dan 'top-up' service yang diminta oleh pemegang taruh, jurulatih dan atlet-atlet telah ditunaikan sebelum ke Paris.

iv) Jawatankuasa RTG akan menyokong keputusan Datuk Azizul untuk terus berjuang selagi beliau merasakan mampu untuk melakukannya.

Tetapi saya minta semua untuk memberi Datuk Azizul masa untuk rehat dan berbincang dengan keluarga beliau dahulu.

HANNAH YEOH
Menteri Belia dan Sukan

Angkat berat berpotensi raih pingat emas di Olimpik Los Angeles 2028

PUTRAJAYA: Ikon baru sukan Malaysia, Mohamad Aniq Kasdan mempunyai potensi untuk meraih pingat di Sukan Olimpik Los Angeles 2028 nanti.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata, Mohamad Aniq hampir menang pingat gangsa di Paris selepas memecahkan rekod kebangsaan dengan jumlah angkatan 297 kilogram.

"Saya berasa sedih apabila beliau terlepas peluang memenangi pingat gangsa.

"Walaupun baru sahaja dimasukkan ke dalam program Road To Gold (RTG) pada bulan November 2023 lalu, beliau sudah menunjukkan peningkatan

yang amat ketara, daripada ranking ke-10 kepada 'Top 4' di Sukan Olimpik Paris 2024.

"Melangkah ke hadapan, saya telah bercakap dengan Aniq, bahawa RTG akan memberi sokongan penuh untuk beliau berusaha lebih keras, mengangkat lebih berat dan menjadi lebih kuat.

"Dia masih muda dan boleh menjadi pencabar hebat serta prospek yang baik untuk membawa pulang emas pada Olimpik Los Angeles 2028," Hannah.



Sukan Negeri Kita

Kemarau emas boling SUKMA berakhir selepas 14 tahun

KUCHING: Kutipan pingat Skuad Negeri Sembilan ditambah dengan pingat emas yang disumbangkan melalui sukan tenpin boling di Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada 18 Ogos lepas.

Kemenangan ini menamatkan penantian 14 tahun kemarau pingat emas bagi sukan tenpin boling Negeri Sembilan.

Kemenangan bergaya dalam acara trio lelaki yang menyaksikan gandingan Izz



Naquuddin Putera Islahuddin, Azraei Najmi Azizan dan Carl Zharfan Aisy Redzuan dengan melakukan 3,726 jatuhan pin.

Trio Pulau Pinang, Megat Zaqrul Haiqal Megat Zairudin, Muhammad 'Aqil Faizal dan Muhammad Hariz Adlan Azman melakukan 3,711 jatuhan pin untuk pingat perak manakala gangsa milik wakil Perak, Ammar Isyraf Mohammad Qhairul Nizzam, Wooi Zi Jun dan Chong Yew Jin dengan 3,681 jatuhan pin.

Izz Naquuddin Putera yang juga atlet pelapis kebangsaan berkata "Kami sangat gembira. Sejak kali terakhir Negeri Sembilan dapat emas pada 2010 menerusi acaran berpasangan campuran," katanya.

Dalam pada itu, Carl Zharfan Aisy turut merasa gembira dan bangga apabila penampilan pertamanya di SUKMA membuahkan hasil lumayan bersama Skuad Negeri Sembilan.

'Kak Gun' dinobatkan Olahragawati SUKMA 2024

Atlet acara menembak, Gan Chen Jie, 20, dinobatkan sebagai Olahragawati SUKMA 2024 dengan pencapaian tujuh pingat emas dalam semua acara yang disertainya.

Gan atau mesra dengan panggilan 'Kak Gun' di kalangan penembak-embak Negeri Sembilan turut memecahkan dua rekod SUKMA dalam acara menembak.

Gan yang merupakan seorang penuntut di universiti tempatan, meletakkan sasaran seterusnya memenangi pingat emas di Sukan SEA 2025 yang akan berlangsung di Thailand.

Bapa Angkat Kontingen Menembak SUKMA Negeri Sembilan, Dato' Ir. Bakri Sawir berkata, beliau bangga dengan pencapaian Gan dan skuad menembak yang secara keseluruhannya menyumbang 12 pingat emas daripada 19 pingat

emas yang dimenangi Kontingen Negeri Sembilan.

termasuk di Sukan SEA Thailand tahun depan," ulas Bakri.

"Saya berharap selepas ini Gan akan mengulangi prestasi cemerlang ini di kejohanan antarabangsa



TAHNIAH OLAHRAGAWATI

GAN CHEN JIE

NEGERI SEMBILAN SUKMA MENEMBAK

ACARA : MENYERTAI 7 ACARA

- INDIVIDU - 10M AIR RIFLE (GR)
- INDIVIDU - 50M RIFLE 3 POSITION (GR)
- INDIVIDU - 50M RIFLE PRONE
- BERPASUKAN - 10M AIR RIFLE
- BERPASUKAN - 50M RIFLE PRONE
- BERPASUKAN - 50M RIFLE 3 POSITION
- CAMPURAN - 10M AIR RIFLE

PENCAPAIAN

- MERAH 7 PINGAT EMAS DALAM KESEMUA 7 ACARA YANG DISERTAI BELIAU.
- MEMECAHKAN 2 REKOD SUKMA TAHUN 2022 BAGI ACARA INDIVIDU AIR RIFLE 50M 3 POSISI DENGAN CATATAN 449 MATA MELEPASI CATATAN SEBELUM INI 443.5 MATA DAN ACARA INDIVIDU AIR RIFLE 10M DENGAN CATATAN 248.2 MATA MELEPASI CATATAN SEBELUM INI 243.7 MATA

PUNGUTAN PINGAT

Setakat 24 Ogos 2024 | 7:30 Malam

	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
SARAWAK	76	54	70	200
W. PERSEKUTUAN	75	66	72	213
SELANGOR	56	64	58	178
PULAU PINANG	41	45	54	140
TERENGGANU	40	34	47	121
JOHOR	35	42	55	132
PERAK	35	39	55	129
SABAH	27	34	55	116
PAHANG	22	21	32	75
KEDAH	20	19	26	65
N. SEMBILAN	19	13	26	65
MELAKA	17	23	31	71
PERLIS	12	14	16	42
KELANTAN	7	13	17	37
BRUNEI	2	2	3	7